Syifa sedang menampal poster Minggu Citra Bahasa pada papan kenyataan.



AYAT PASIF

Poster Minggu Citra Bahasa sedang ditampal oleh Syifa pada papan kenyataan.



- INGAT:**
- KK *menampal* jadi **ditampal** diikuti **oleh**
 - Kata bantu *tidak boleh digugurkan*.
 - KETERANGAN- *dikekalkan* pada bahagian hujung ayat.

3. Formula menukarkan ayat pasif diri pertama dan kedua

- a) Kata kerja tidak boleh berimbuhan di... oleh
- b) Subjek mesti diterbalikkan. – *kita mestilah* jadi **mestilah kita**
- c) Kata kerja tidak boleh berimbuhan awalan. – *membaca* jadi **baca**
- d) **Contoh:** Saya telah **meminjam** buku itu dua hari yang lalu. (Ayat aktif)

Buku itu telah saya **pinjam** dua hari yang lalu. (Ayat pasif)

2. Formula menukarkan ayat pasif diri ketiga

- a) Kata kerja mesti berimbuhan di... oleh – *membaca* jadi
- b) **Contoh:** Mereka telah **meminjam** buku itu dua hari yang lalu. (Ayat aktif)

Buku itu telah **dipinjam oleh** mereka dua hari yang lalu. (Ayat pasif)

3. Formula menukarkan ayat pasif berimbuhan ter-

- a) Kata kerja berimbuhan *ter-* mesti dikekalkan. – *Kami terambil* jadi **terambil oleh kami**
- b) **Contoh:** Ani tidak terangkat buku yang berat itu kerana dia demam. (Ayat aktif)
Buku yang berat itu **tidak terangkat oleh** Ani kerana dia demam. (Ayat pasif)

AKTIVITI PENGUKUHAN 4

Tukar ayat aktif di bawah ini kepada ayat pasif tanpa mengubah maksud asalnya.

1. Kamu harus merebut peluang ini untuk meningkatkan kemahiran tarian.
Peluang itu untuk meningkatkan kemahiran tarian harus kamu rebut.
2. Pekerja majlis perbandaran telah memasang bendera pada setiap tiang di tepi jalan raya.
Bendera telah dipasang oleh pekerja majlis perbandaran pada setiap tiang di tepi jalan raya.
3. Emak Syahmi sedang menggoreng mi untuk dihidangkan kepada tetamu.
Mi sedang digoreng oleh emak untuk dihidangkan kepada tetamu.

CAKAP AJUK & CAKAP PINDAH

PANDUAN MENUKARKAN CAKAP AJUK → CAKAP PINDAH & SEBALIKNYA

Anda perlu:

1. Menggugurkan semua tanda baca kecuali tanda koma dan noktah.
2. Menambahkan imbuhan pada kata kerja (jika perlu) untuk menjadikan ayat cakap pindah yang gramatis.
3. Sila ikuti peraturan berikut :

Bil	Perkara	Contoh penggunaan dalam cakap ajuk	Contoh penggunaan dalam cakap pindah
1	Kata singkatan	nak	hendak
		mak	emak
		kak	kakak
		tak	tidak
2	Kata ganti nama tunjuk/ masa/ tempat	ini	Itu
		demikian	begitu
		begini	begitu
		demikian ini	demikian itu
		sekarang	ketika itu
		esok	hari berikutnya/ esoknya
		di sini	di situ
		di pondok ini	di pondok itu
		Cis	Dengan perasaan marah/ marahnya,
3	Kata seru	Amboi	Dengan perasaan terkejut
		Hore	Dengan gembiranya
		Aduhai	Dengan perasaan sedih/ mengeluh
		Syabas	Dengan perasaan puas, memuji, mengucapkan tahniah
		Eh	Dengan nada hairan
		Aduh	Sambil mengerang kesakitan/ Dengan kesakitan
		Nah	...menyatakan perasaan marah ketika memberi sesuatu . – Dengan perasaan marah
		Oh	...menyatakan perasaan terkejut atau untuk merayu – Dengan perasaan terkejut/ Dengan merau-rayu
		Wah	...menyatakan perasaan hairan, terkejut atau gembira – Dengan perasaan gembira
		Wahai	...menyatakan perasaan sayu, sayang, merayu atau menarik - Dengan perasaan sayu.
		Ceh	...mengejek – Dengan nada mengejek
		Saya /aku /kamu /engkau/ -ku /patik /tuan hamba	Dia, ia, -nya, beliau
4	Kata ganti nama diri	Kita/ kami /kamu semua/ kalian	Mereka
		Beta/ Tuanku	Baginda
		Apa?	...ingin tahu <u>perkara/keadaan</u>
5	Ayat tanya	Mengapa?	...ingin tahu <u>sebab/punca/faktor</u>
		Di mana?	...ingin tahu <u>tempat/ lokasi</u>
		Bagaimana ?	...ingin tahu cara
		Siapa?	...ingin tahu <u>orang</u>
		Bila ?	...ingin tahu <u>masa</u>
		Adakah ?	...ingin tahu <u>sama ada</u>
		Berapa?	...ingin tahu <u>jumlah/bilangan</u>
		“Mengapa kamu tidak hadir ke sekolah semalam?” kata Hakim kepada Ashton.	...bertanya kepada (siapa) ...bertanyakan (siapa) ...menanyakan (apa/perkara/hal) kepada ...bertanya tentang (apa/perkara/hal) ...mengajukan pertanyaan tentang (apa/perkara hal) kepada

6	Ayat penyata	“Saya sakit perut semalam,” kata Ashton.	Menurut Ashton... ...mengatakan bahawa ...memberitahu bahawa ...menerangkan bahawa ...menjelaskan, menceritakan, menjawab ...berpendapat, berpendirian, berpandangan....
7	Ayat perintah	<u>Ayat suruhan</u> Kamu bersihkan bilik ini sebelum pulang.	...menyuruh ...memberikan arahan ...mengarahkan
		<u>Ayat larangan</u> Jangan buang sampah di sini.	...menegah ...melarang
		<u>Ayat permintaan</u> Tolong belikan saya sehelai baju.	...meminta ...memohon ...menginginkan
		<u>Ayat silaan</u> Sila datang ke rumah saya.	...mengundang ...mempersilakan ...menjemput ...mempelawa
8	Bahasa Arab	alhamdulillah	...mengucap syukur
		lahaulawala kuwatailla	...mengucap panjang

AKTIVITI PENGUKUHAN 5

Tukar **cakap ajuk** di bawah ini kepada **cakap pindah** dengan melengkapkan cakap pindah yang diberikan dengan perkataan yang sesuai.

Yati : Farah, mengapa Farah tidak datang ke sekolah semalam?

Farah : Semalam Farah ada hal di rumah.

Yati : Apa halnya? Ceritakanlah kepada Yati.

Farah : Sebenarnya ibu Farah sakit.

Jawapan:

Yati(1) **bertanya** kepada Farah (2) **sebab** dia tidak datang ke sekolah semalam.

Farah (3) **memberitahu** bahawa (4) **dia** menghadapi masalah di rumah. Yati (5) **bertanya lagi** kepada Farah mengenai masalah yang dihadapi dan (6) **meminta** dia menceritakan perkara yang berlaku kepadanya. Farah (7) **menceritakan** kepada Yati bahawa ibunya sakit.

BENTUK SOALAN 2 (SINTAKSIS)

1. Skop item / soalan: Susunan ayat, binaan ayat, ragam ayat (subjek - predikat, pola ayat, ayat susunan biasa - songsang, aktif - pasif, ajuk - pindah dan lain- lain).
2. Soalan terdapat dalam petikan dan mengikut tema.
3. Jumlah soalan bergantung pada arahan dalam soalan.
4. Jumlah markah tidak tetap: bergantung pada kehendak soalan.
5. Bentuk skema pemarkahan: analitik.

PANDUAN MENJAWAB SOALAN SINTAKSIS

1. Baca dan fahamkan arahan soalan.
2. Murid hanya perlu merujuk pada ayat / frasa yang diuji dalam petikan sama ada digaris atau dicondongkan ayat / frasa tersebut.
3. Pastikan tiada kesalahan ejaan.
4. Semak semula jawaban untuk memastikan murid telah akur dengan kehendak soalan.

Contoh Soalan 1 (Contoh berdasarkan buku Format Pentaksiran SPM KSSM)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan **ayat bersusunan biasa** yang bergaris kepada **ayat bersusunan songsang** tanpa mengubah maksud asalnya.

Bidang keusahawanan wajar diterokai oleh golongan remaja. Bidang ini dapat mendidik remaja lebih berdaya kreatif. Sesungguhnya amat luas ruang bagi golongan remaja menceburi bidang ini. Remaja yang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi juga boleh menceburi bidang tersebut. Oleh hal yang demikian para remaja yang berminat dalam bidang ini tidak mempunyai masalah untuk mengikuti kursus dan latihan keusahawanan. Ibu bapa perlu memberikan sokongan kepada anak-anak yang berminat dalam bidang ini.

Dipetik dan diubah suai daripada

Ayuh, Jadilah Usahawan.

Oleh syed Mahadzir bin Syed Ibrahim

Dewan Siswa, Bil. 7 / 2019.

[6 markah]

PANDUAN MENJAWAB SOALAN

1. Baca dan fahamkan arahan soalan.
2. Murid hanya perlu merujuk pada ayat yang bergaris sahaja.
3. Tidak boleh mengubah maksud asal apabila mengubah susunan ayat biasa menjadi ayat songsang.

Contoh Jawaban

1. Wajar diterokai oleh golongan remaja bidang keusahawanan.
2. Boleh menceburi bidang tersebut remaja yang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi juga.
3. Perlu memberikan sokongan kepada anak-anak yang berminat dalam bidang ini, ibu bapa.

CONTOH SOALAN 2 (Contoh berdasarkan buku Format Pentaksiran SPM KSSM)

Berdasarkan petikan di bawah, **bina enam ayat tanya** yang lengkap dengan menggunakan kata tanya yang betul. Kata tanya yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan frasa yang berhuruf condong.

Perhimpunan rasmi biasanya dijalankan *di dewan sekolah* pada hari pertama persekolahan *setiap minggu*. *Semua guru dan murid* diwajibkan menghadiri perhimpunan rasmi. *Perhimpunan rasmi* sekolah dapat memupuk disiplin dalam kalangan murid. Perhimpunan ini dapat menanam semangat patriotik melalui *nyanyian lagu Negaraku*. Para guru dan murid wajib berdiri tegak ketika menyanyikan lagu kebangsaan. Selain itu, perhimpunan rasmi diadakan untuk membudayakan *kemahiran mencatat dan kemahiran mendengar ketika guru menyampaikan amanat*.

Dipetik dan diubah suai daripada
Manfaat Perhimpunan Sekolah terhadap Pelajar
Oleh Teo Eileen Dewan Siswa, bil.12/2018
[6 markah]

PANDUAN MENJAWAB SOALAN

1. Baca dan fahamkan arahan soalan.
2. Murid hanya perlu kenal pasti terlebih dahulu frasa yang berhuruf condong.
3. Berdasarkan frasa berhuruf condong inilah pelajar boleh membina ayat tanya yang lengkap.
4. Pastikan ayat tanya akan diakhiri dengan symbol tanda tanya (?).

Contoh Jawaban

1. Di manakah perhimpunan rasmi diadakan?
2. Bilakah perhimpunan rasmi diadakan?
3. Siapakah yang wajib menghadiri perhimpunan rasmi?
4. Apakah kebaikan yang diperoleh murid apabila menyertai perhimpunan rasmi?
5. Bagaimanakah perhimpunan dapat menanam semangat patriotik?
6. Mengapakah perhimpunan rasmi diadakan?

LATIHAN: SET 1

Standard Pembelajaran

5.3.4 (Ting. 4)	Mengenal pasti dan menggunakan ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan yang betul mengikut konteks.
5.3.4 (Ting. 5)	Memahami dan menggunakan ayat majmuk yang betul mengikut konteks.
Tema 16	Pentadbiran dan Politik.

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian kenal pasti **satu ayat tanya, satu ayat penyata** dan **dua ayat perintah** yang terdapat dalam petikan. Anda perlu menyalin ayat yang berkenaan dengan melabelkan jenis ayat tersebut.

Apakah ciri-ciri pemimpin idaman anda?

“Antara ciri pemimpin idaman saya ialah prihatin dan berjiwa rakyat. Sebagai peniaga gerai, saya amat bergantung harap pada pemimpin untuk menyelesaikan masalah peniaga kecil seperti kami. Tolonglah turun padang, berjumpa rakyat jelata seperti kami. Ambil tahu tentang keperluan kami.”

Puan Nurul Izzati binti Ayob,
Pemilik gerai.

Dipetik dan diubah suai daripada
Buku Teks Tingkatan 4 halaman 222
Kementerian Pendidikan Malaysia.
[8 markah]

Jawaban:

Ayat Tanya	Apakah ciri-ciri pemimpin idaman anda?
Ayat Penyata	Antara ciri pemimpin saya ialah prihatin dan berjiwa rakyat.
Ayat Perintah	i. Tolonglah turun padang, berjumpa rakyat jelata seperti kami. ii. Ambil tahu tentang keperluan kami.

LATIHAN: SET 2

Standard Pembelajaran

5.3.2 (Ting. 4)	Mengenal pasti dan menggunakan ayat dasar yang betul.
5.3.2 (Ting. 5)	Memahami dan menggunakan ayat terbitan dengan betul mengikut konteks.
Tema 12	Asli dan Kontemporari

Berdasarkan petikan di bawah, kenal pasti dan tulis **subjek** dan **predikat** yang lengkap bagi setiap ayat di bawah.

Caklempong merupakan alat muzik tradisional yang tergolong dalam keluarga gong yang berukuran kecil. Alat ini diperbuat daripada gangsa menggunakan teknik acuan. Permainan caklempong kini dimainkan dalam upacara perkahwinan, perasmian majlis dan keraian. Orkestra turut mengiringi persempahan permainan caklempong yang berskala besar.

Dipetik dan diubah suai daripada
Buku Teks Tingkatan 4 halaman 162
Kementerian Pendidikan Malaysia.
[8 markah]

Jawaban:

1. Subjek : Caklempong
Predikat : merupakan alat muzik tradisional yang tergolong dalam kehidupan keluarga gong yang berukuran kecil.
2. Subjek : Alat ini
Predikat : diperbuat daripada gangsa menggunakan teknik acuan.
3. Subjek : Permainan caklempong kini
Predikat : dimainkan dalam upacara perkahwinan, perasmian majlis dan keraian.
4. Subjek : Orkestra
Predikat : turut mengiringi sesebuah persempahan permainan caklempong yang berskala besar.

SOALAN 3 (PENYUNTINGAN)

PANDUAN MENJAWAB SOALAN PENYUNTINGAN

1. Soalan penyuntingan mengikut teks tunggal, teks bersambung atau teks pelbagai. (petikan, dialog, iklan, kad ucapan dll)
2. Panjang teks soalan: antara 50 hingga 80 patah perkataan.
3. Jumlah kesalahan bahasa bergantung pada jumlah markah dalam soalan.
4. Murid perlu membaca teks yang diuji untuk mengenal pasti kesalahan bahasa berpandukan kehendak soalan.
5. Murid akan diminta untuk menyenaraikan kesalahan yang diperlukan dan membetulkan kesalahan tersebut dengan menuliskan jawapan yang betul. Contohnya, jika soalan meminta murid menyenaraikan lima kesalahan, hanya senaraikan lima sahaja dan betulkan kesalahan bahasa tersebut. Jangan beri **lebih atau kurang**. Mesti patuh pada kehendak soalan.
6. Jenis kesalahan yang diuji: ejaan, imbuhan, tanda baca, istilah, tatabahasa, dll.
7. Jumlah markah tidak tetap: bergantung pada kehendak soalan.
8. Bentuk skema pemarkahan: analitik

SELAYANG PANDANG TATABAHASA (SOALAN PENYUNTINGAN)

1. Kesalahan ejaan boleh diuji dari segi penggunaan vokal dalam bahasa Melayu iaitu huruf a, e, i, o dan u. Contoh perkataan: kampong - kampung.
2. Kesalahan imbuhan meliputi imbuhan awalan, akhiran, apitan dan sisipan. Contohnya:
Kebanyakkan hidupan liar tidak lagi wujud kerana mengalami **pupus**.
 - i. kebanyakkan - kebanyak
 - ii. pupus - kepupusan
3. Kesalahan tanda baca pula melibatkan penggunaan tanda noktah, koma, huruf besar dan huruf kecil, tanda soal dan lain-lain.
4. Kesalahan istilah bermaksud kesalahan penggunaan perkataan. Perkataan tersebut mungkin tidak sesuai digunakan berdasarkan situasi atau kehendak ayat. Sebagai contoh:
 - i. Ali menetap di **tapak** perumahan tersebut. tapak - kawasan
5. Kesalahan tatabahasa melibatkan kesalahan penggunaan frasa, kesalahan hukum DM, penggunaan kata ganti nama diri dll.

Contoh:

Kesalahan Frasa Bentuk Jamak	Semua murid-murid. (X) Semua murid.(√)
Kesalahan Frasa Adjektif	Noriah pemain yang paling terhandal. (X) Noriah pemain yang terhandal. (√)
Kesalahan Hukum DM	Mini telekung (X) Telekung mini (√)
Kesalahan Kata Ganti Nama Diri	Buku itu dibeli oleh saya. (X) Buku itu saya beli.(√)

CONTOH SOALAN 1(Contoh berdasarkan buku Format Pentaksiran SPM KSSM)

SK: 3.6	Mengedit dan memurnikan pelbagai teks.
SP: 3.6.1	Menganalisis kesalahan bahasa dan kejituuan idea dalam pelbagai teks.

*Dalam petikan 1, terdapat **enam kesalahan bahasa** manakala petikan 2 terdapat **lima kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.*

PETIKAN 1

Pada era globalisasi ini, pelbagai jenis kenderaan yang moden telah mencipta bagi menggantikan kenderaan kovensional sebagai pengangkutan awam. Pengangkutan awam yang moden itu pula mampu memainkan tugas yang penting kepada sesebuah negara untuk mencapai kemajuan kerana sistem pengangkutan yang baik mampu menggerak ekonomi negara. Di antara contoh kenderaan awam ialah monorel, komuter, bas, teksi dan kapalterbang.

[6 markah]

PETIKAN 2

- Munirah : Selamat pagi Doktor Aidil. Terima kasih kerana sudi menghabiskan masa untuk diwawancara pagi ini.
- Doktor Aidil : Selamat pagi.
Munirah : Saya Munirah daripada Kelab Majalah Intan SMK Cempaka, ingin mewawancarakan doktor berkaitan cara-cara untuk mengamalkan gaya hidup sihat. Doktor, apakah yang dimaksudkan dengan amalan gaya hidup sihat?
- Doktor Aidil : Gaya hidup sihat merupakan satu amalan yang kita perlu lakukan bagi mewujudkan kehidupan yang selesa dan terhindar daripada pelbagai penyakit. Dalam hal ini, seseorang hendaklah mengamalkan pemakanan yang seimbang, melakukan senaman setiap hari dan menjaga persekitaran untuk sentiasa bersih.
- Munirah : Terima kasih doktor di atas penerangan tentang gaya hidup sihat itu.
- Doktor Aidil : Sama-sama.

[5 markah]

Jawaban:

Kesalahan Bahasa			
Petikan 1		Petikan 2	
1.	kenderaan yang moden - kenderaan moden	1.	menghabiskan - meluangkan
2.	mencipta - dicipta	2.	mewawancarakan - mewawancara
3.	kovensional - konvensional	3.	mewujudkan - menjalani
4.	mengerak - menggerakkan	4.	kita perlu lakukan – perlu kita lakukan
5.	di antara - antara	5.	di atas – atas
6.	kapalterbang - kapal terbang		

CONTOH SOALAN 2(Contoh berdasarkan buku Format Pentaksiran SPM KSSM)

SK: 3.6	Mengedit dan memurnikan pelbagai teks.
SP: 3.6.1	Menganalisis kesalahan bahasa dan kejadian dalam pelbagai teks.

Petikan di bawah mengandungi tiga belas kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga belas kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.

Campur tangan di Perak bermula akibat masalah perlumbaan takhta kerajaan Perak antara Sultan Abdullah dan Sultan Ismail. Sultan Abdullah telah bertindak dengan cuba meminta tolong dan sokongan daripada pihak British. Perjanjian Pangkor berjaya ditandatangani pada 20 Januari 1874 dan Sultan Abdullah dilantik sebagai Sultan Perak. Kesannya Sistem Residen diperkenal oleh pihak British yang kownnya bertindak sebagai penasihat kepada Sultan Perak di dalam urusan pentadbiran negeri.

Residen pertama yang pihak British lantik untuk menjawat jawatan residen ialah J.W.W. Birch. Sir Andrew Clark menyatakan bahawa Birch merupakan calun yang paling layak kerana beliau pernah bertugas sebagai pegawai British di Ceylon sebelum ini. Malangnya, kemasukan Birch di Perak sebagai residen tidak di senangi dalam kalangan orang Melayu. Hal ini berpunca daripada pertukaran yang dilakukan oleh beliau di Perak seperti isu dihambakan dan peraturan tanah.

*Dipetik dan diubah suai daripada
Perancangan Pembunuhan J.W.W. Birch
oleh Wan Mohd Rahimi Rahim
Dewan Siswa, Januari 2016*

Jawaban:

Kesalahan Bahasa			
1.	perlumbaan - perebutan	8.	calun – calon
2.	dan - dengan	9.	kemasukan - kehadiran
3.	tolong - bantuan	10.	di senangi – disenangi
4.	dilantik - ditabalkan	11.	dalam kalangan orang Melayu – oleh orang Melayu
5.	diperkenal - diperkenalkan	12.	pertukaran – perubahan
6.	di dalam - dalam	13.	dihambakan – perhambaan
7.	pihak British lantik - dilantik oleh pihak British		

LATIHAN: SET 1

SK: 3.6	Mengedit dan memurnikan pelbagai teks.
SP: 3.6.1	Menganalisis kesalahan bahasa dan kejituuan idea dalam pelbagai teks.

Dalam petikan 1, terdapat **lima kesalahan bahasa** manakala petikan 2 terdapat **lima kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

PETIKAN 1

Sejak dengan perkembangan dunia sains dan teknologi, Polis Diraja Malaysia (PDRM) kini mengurak langkah untuk memantap aspek siasatan dalam menyelesaikan sesuatu kes jenayah. Aplikasi kaedah saintifik dalam penyiasatan atau lebih dikenali sebagai forensik membantu PDRM menjalankan penyiasatan kes-kes jenayah. Menurut PDRM, forensik ialah aplikasi sains kepada perundangan. Pakar forensik mengumpulkan bahan bukti untuk menganalisis oleh Bahagian D10, Jabatan Siasatan Jenayah (Makmal Forensik). Hasil laporan forensik ini digunakan untuk keperluan perundangan. Bukti-fizikal yang berada di tempat kejadian akan dinilai oleh pasukan CSI.

Dipetik dan diubah suai daripada
Kanta Forensik Buku Teks Tingkatan 4,
Dewan Bahasa dan Pustaka
[5 markah]

PETIKAN 2

Wayang kulit merupakan satu bentuk animasi awal yang terdapat di Malaysia. Aksi watak wayang kulit dikawal oleh pemainya yang digelar dalang dengan menggerakkan sendi tangan, leher, dan mulut karakter dalam persembahan wayang kulit. Ketika ini, juru animasi perlu mempunyai kemahiran yang tinggi untuk merekabentuk, melukis, dan mewarnakan karakter secara manual. Karakter yang membantu penceritaan dilukis di atas kulit lembu dan dipotong menggunakan teknik animasi gunting.

Dipetik dan diubah suai daripada
daripada Kartun kepada Animasi Buku Teks Tingkatan 4,
Dewan Bahasa dan Pustaka (2019)
[5 markah]

Jawaban:

Kesalahan Bahasa			
Petikan 1		Petikan 2	
1.	sainstifik - saintifik	1.	Aksi – gerakan
2.	mengurak - mengorak	2.	pemainnya - pemainnya
3.	memantap - memantapkan	3.	juru animasi - juruanimasi
4.	siasatan - penyiasatan	4.	merekabentuk - mereka bentuk
5.	menganalisis - dianalisis	5.	gunting – guntingan

LATIHAN: SET 2

SK: 3.6	Mengedit dan memurnikan pelbagai teks.
SP: 3.6.1	Menganalisis kesalahan bahasa dan kejituuan idea dalam pelbagai teks.

Petikan di bawah mengandungi **sepuluh kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada sepuluh kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.

Kerabu Rumpai Laut

Bahan-bahannya :

- | | |
|---|--|
| 80 geram rumpai laut kering | 2 biji mangga muda (boleh juga gunakan epal hijau) |
| 2 ulas bawang merah | 1 kuntum bunga kantan |
| 2 biji limau kasturi (untuk hiasan) | 1 batang cili merah dan hijau |
| ½ cawan perahan limau kasturi | 7 biji cili padi |
| 3 sudu makanan gula pasir | ½ cawan udang kering(untuk sambal) |
| ½ sudu teh garam | 7 biji cili padi (untuk sambal) |
| 1 biji timun (kupas kulit dan buang empulurnya) | |

Cara menyediakannya:

- Siram rumpai laut semalam. Kemudian, cuci bersih-bersih dan toskan airnya.
 Potong rumpai laut mengikut size yang digemari.
 Potong nipis-nipis bawang merah, timun, mangga muda, bunga kantan, cili merah, cili hijau dan cili padi.
 Tumbuk bahan sambal sehingga hancur.
 Masukkan semua bahan yang telah dipotong nipis, rumpai laut dan sambal ke dalam mangkuk. Gaul semuanya sehingga mesra.
 Tambahkan sedikit garam, gula dan perahan limau kasturi hingga semuanya cukup rasa.
 Biarkan selama 15 minit, setelah itu hias dengan limau kasturi dan sedia untuk dihidangkan.

Dipetik dan diubah suai daripada
 Juadah Penambat Selera
 Buku Teks Tingkatan 4, Dewan Bahasa dan Pustaka (2019)
 [10 markah]

Jawaban:

Kesalahan Bahasa			
1.	geram - gram	6.	toskan – tuskan
2.	makan - makanan	7.	size – saiz
3.	batang - biji	8.	cili hijau - cili hijau,
4.	siram - rendam	9.	hancur – lumat
5.	semalam - semalam	10.	semuanya - kesemuanya

SOALAN 4 (BAHASA MELAYU STANDARD)

PANDUAN MENUKARKAN BAHASA PETIKAN KLASIK KEPADA BAHASA MELAYU STANDARD:

1. Pelajar perlu ingat jawapan yang ditulis mestilah dalam Bahasa Melayu Moden.
2. Baca keseluruhan petikan sehingga faham.
3. Gariskan perkataan-perkataan bahasa klasik yang boleh ditukar.
4. Jangan menokok tambah butir-butir lain yang tiada dalam petikan bahasa klasik.
5. Nama-nama khas jangan ditukar.
6. Ketahui perbezaan antara bahasa klasik dengan bahasa istana (tidak perlu tukar).
7. Struktur ayat bahasa klasik bertentangan dengan bahasa moden. Sebagai contoh:
Bahasa klasik : **Maka berangkatlah** baginda ke istana
Bahasa moden : **Lalu** baginda **berangkat** ke istana
(**Baginda** tidak perlu ditukar kerana bahasa istana)
8. Kekerapan menggunakan struktur ayat pasif dalam bahasa klasik. Sebagai contoh:
Bahasa klasik : **Maka** oleh **diparang** oleh Hang Tuah kepala dua orang yang mengamuk itu terbelah dua.
Bahasa moden : **Lalu** Hang Tuah **memarang** kepala dua orang yang mengamuk itu dan terbelah dua.
9. Sebelum menjawab soalan, senaraikan dahulu watak-watak dalam petikan prosa klasik tersebut. Pastikan anda berjaya mengenal pasti beberapa watak yang mempunyai persamaan agar pemilihan kata ganti nama tepat dan sesuai.
10. Gugurkan perkataan klasik seperti maka, arakian, syahadan, lah, pun, ataupun perkataan yang tidak perlu.
11. Perkataan klasik yang ada dalam petikan tersebut perlu ditukar kepada bahasa moden.

CONTOH BAHASA KLASIK DAN BAHASA STANDARD/MODEN

Bahasa Klasik	Perkataan dalam Bahasa Standard/Moden
dian	lampu, pelita
bahari	indah, cantik, bijaksana
beradu	tidur
balai rong	tempat menghadap raja
masyghul	sedih, berduka-cita
mangkat	meninggal dunia
santap	makan
ceritera	cerita
sahaya	hamba abdi
sida-sida	pegawai dalam istana
dikenderai	ditunggangi, dinaiki
lasykar	askar, tentera
penjurit	askar, tentera/ pencuri
marhaen	rakyat
syahadan	permulaan cerita
arakian	setelah itu
adapun	perihal mempunyai
sebermula	pada mulanya, pembuka kata untuk sesuatu kisah
tatkala	pada masa itu
kalakian	ketika itu, kemudian
gharib	ganjil
gering	sakit, uzur
bersemayam	duduk, tinggal
cerpu	alas kaki seperti terompah
daulat	kuasa raja/bahagia
iram-iram	payung
buana	bumi, dunia, alam
juragan	nakhoda
gemala	batu
bercempera	bertempiaran
kepetangan	cerdik
menyembah	memberi hormat
pitis	wang
belasungkawa	bersedih
kandil	pelita, bekas kecil
jungor	bahagian hadapan kapal
citra	gambaran
pelang	sejenis perahu

CONTOH SOALAN 1 (Contoh berdasarkan buku Format Pentaksiran SPM KSSM)

SK: 4.1	Memahami dan mengapresiasi karya sastera.
SP: 4.1.1	Memahami dan mengapresiasi prosa moden dan prosa tradisional dengan menyatakan respons peribadi yang sesuai terhadap karya.

Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Setelah sudah ibunya mendengar kata anaknya demikian itu, maka ibunya pun menangis, seraya berkata, “Hai anakku, yang bapamu itu sudah mati dibunuh oleh seorang Melayu bernama Laksamana Hulubalang Ratu Melaka.

Dipetik dan diubah suai daripada
Kepimpinan Melalui Teladan
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia.
[6 markah]

Jawaban:

Bahasa Melayu Klasik	Bahasa Melayu Standard
Setelah sudah <i>ibunya</i> mendengar <i>kata anaknya demikian itu</i> ,	Setelah <i>ibu</i> mendengar <i>kata-kata anaknya itu</i> ,
<i>maka</i> ibunya <i>pun</i> menangis, <i>seraya</i> berkata,	<i>lalu</i> ibunya terus menangis <i>sambil</i> berkata,
“ <i>Hai</i> anakku, <i>yang bapamu itu sudah mati dibunuh oleh seorang Melayu</i>	“ <i>Wahai</i> anakku, <i>bapamu telah dibunuh oleh seorang Melayu</i>
bernama Laksamana Hulubalang Ratu Melaka.”	yang bernama Laksamana Hulubalang Ratu Melaka.”

Tulis semula jawapan tersebut dalam bentuk perenggan:

Setelah ibu mendengar kata-kata anaknya itu, lalu ibunya terus menangis sambil berkata, “Wahai anakku, bapamu telah mati dibunuh oleh seorang Melayu yang bernama Laksamana Hulubalang Ratu Melaka.”

CONTOH SOALAN 2 (Contoh berdasarkan buku Format Pentaksiran SPM KSSM)

SK: 4.1	Memahami dan mengapresiasi karya sastera.
SP: 4.1.1	Memahami dan mengapresiasi prosa moden dan prosa tradisional dengan menyatakan respons peribadi yang sesuai terhadap karya.

Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka baginda pun hairan serta bertitah pada Temenggung, “Hai Temenggung, tiidakkah menyuruhkan orangnya berkawal tadi?”

Maka sembah Temenggung, “Daulat tuanku Syah Alam, patik menyuruh orang berkawal semalam tadi, seorang pun tak bertemu. Patik hamba itu pun hairanlah akan penjurit itu.”

Maka titah baginda, “Apatah sebabnya maka dapat dicurinya oleh penjurit itu?”

Dipetik dan diubah suai daripada
Kepimpinan Melalui Teladan
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*
Kementerian Pendidikan Malaysia
[6 markah]

Jawaban:

Baginda **berasa hairan** lalu bertitah, “Wahai Temenggung, **tidakkah Temenggung menyuruh pengawal berkawal tadi?**”

Temenggung **mengangkat sembah**, “Daulat tuanku Syah Alam, **patik menyuruh pengawal berkawal** sejak semalam namun tidak ada sesiapapun berjumpa. **Patik berasa hairan** akan pencuri itu.”

Lalu **baginda bertitah**, “Bagaimanakah cara **pencuri itu dapat mencuri?**”

LATIHAN: SET 1

SK: 4.1	Memahami dan mengapresiasi karya sastera.
SP: 4.1.1	Memahami dan mengapresiasi prosa moden dan prosa tradisional dengan menyatakan respons peribadi yang sesuai terhadap karya.

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka hari pun malamlah. Maka dilihat oleh Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu suatu hidangan datang-datang terletak di hadapan Aria Putera itu. Maka kata Sang Aria Putera, “Hai cucuku kelima, makanlah barang yang hadirnya, kerana aku orang miskin.” Maka Hang Tuah pun menyembah, seraya dibukanya hidangan itu dilihatnya di dalam hidangan itu lengkap pelbagai nikmat. Setelah sudah, maka kata Sang Aria Putera, “Apa kehendak cucuku berlima telah kuketahui. Ada pun cucuku kelima ini akan diperhamba raja dan jadi pegawai besar di Tanah Melayu, tetapi banyak orang besar-besar sakit hati lagi dengki akan cucuku.”

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Berguru dengan Aria Putera’
Buku Teks Tingkatan 4,
Dewan Bahasa dan Pustaka (2019)
[6 markah]

Jawaban:

Hari telah malam. Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir dan Hang Lekiu terlihat satu hidangan di hadapan Aria Putera itu. Lalu Sang Aria Putera berkata, “Wahai cucuku berlima, makanlah apa-apa yang ada kerana aku seorang yang miskin.” Hang Tuah menyembah lalu membuka hidangan itu. Hang Tuah melihat dalam hidangan itu lengkap dengan pelbagai nikmat. Setelah itu, Sang Aria Putera berkata, “Aku telah mengetahui apa-apa yang kamu kehendaki. Cucu berlima akan menjadi hamba raja dan pegawai besar di Tanah Melayu. Namun, ramai Orang Besar akan sakit hati dan dengki akan kamu.”

LATIHAN: SET 2

SK: 4.1	Memahami dan mengapresiasi karya sastera.
SP: 4.1.1	Memahami dan mengapresiasi prosa moden dan prosa tradisional dengan menyatakan respons peribadi yang sesuai terhadap karya.

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Tatkala itu Kertala Sari sudah datang dari Daha, terlalu banyak beroleh harta daripada emas dan perak dan pakaian dan pitis berpuluhan-puluhan juta dan orang banyak dicurinya. Setelah sudah Kertala Sari datang ke rumahnya, maka ia pun bertanya kepada ibunya, “Hai ibuku, ke mana pergi bapaku maka tiada aku lihat ini?”

Setelah sudah ibunya mendengar kata anaknya demikian itu, maka ibunya pun menangis, seraya berkata, “Hai anakku, yang bapamu itu sudah mati dibunuh oleh seorang Melayu bernama Laksamana Hulubalang Ratu Melaka.”

Dipetik dan diubah suai daripada
Kepimpinan Melalui Teladan
antologi, *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*
Dewan Bahasa dan Pustaka (2014)
[6 markah]

Jawaban:

Ketika Kertala Sari telah sampai dari Daha, dia telah memperoleh banyak harta yang berupa emas, perak, pakaian dan duit daripada pelbagai jenis orang. Setelah Kertala Sari sampai di rumahnya, dia bertanya kepada ibunya, “Wahai ibuku, di manakah ayah kerana tidak kelihatan?

Setelah ibunya mendengar kata anaknya itu, ibunya telah menangis lalu berkata, “Wahai anakku, bapa kamu sudah mati dibunuh oleh seorang berbangsa Melayu, yang bernama, Laksamana Melayu Hulubalang Ratu Melaka.”

SOALAN 5 (PERIBAHASA)

Peribahasa merupakan susunan kata yang indah dan mempunyai maksud tersirat juga pengajaran.

- Pelbagai bentuk – berdasarkan gambar, situasi, karikatur, dialog, ilustrasi, petikan dan sebagainya
- Panjang petikan atau bahan: antara 50 hingga 80 patah perkataan
- Jumlah peribahasa bergantung pada arahan dalam soalan.
- Jumlah markah tidak tetap: bergantung pada kehendak soalan.

Jenis Peribahasa

1. Simpulan Bahasa
2. Bidalan
3. Pepatah
4. Perumpamaan
5. Kata Hikmat
6. Perumpamaan

PANDUAN MENJAWAB SOALAN PERIBAHASA

1. Pelajar perlu ingat jawapan yang ditulis mestilah peribahasa/simpulan bahasa yang lengkap dan betul, ungkapan, slogan dan kata-kata hikmat.
2. Peribahasa tidak boleh ditambah sebarang imbuhan.
3. Jumlah soalan dan bergantung bergantung pada arahan dalam soalan.
4. Jumlah markah tidak tetap : bergantung pada kehendak soalan.
5. Bentuk skema pemerkahan : analitik

SENARAI PERIBAHASA BUKU TEKS KSSM TINGKATAN 4

Tema	M/S	Peribahasa / Ungkapan/Slogan / Kata Hikmat	Maksud
1 Merealisasikan Impian	7	ibarat belayar sambil memapan	melakukan dua pekerjaan atau perkara sekali gus
	8	hendak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat, dapatkan tupai	sekiranya hendak mengetahui atau menguasai sesuatu perkara belajarlah daripada orang yang ahli ataupun pakar dalam bidang tersebut.
	10	cekur jerangau ada lagi di ubun-ubun.	belum dewasa sudah hendak melawan orang tua; belum ada pengalaman.
	10	di mana ada kemahuan di situ ada jalan	jika mempunyai cita-cita, seseorang itu akan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapainya.
	12	orang mengantuk disorongkan bantal	memperoleh apa yang benar-benar diingini.
2 Insan Terdidik, Negara Sejahtera	21	zaman Tuk Nadur berkajang kain	suatu masa atau zaman yang telah lalu atau Suatu masa atau zaman yang telah lama sekali berlalu.
3 Memetik Bintang	37	Jika pengayuh sayang dibasahkan, sampan tidak akan sampai ke seberang.	tidak akan tercapai maksudnya kalau tak mahu berusaha dan bersusah payah.
4 Menjulang Harapan di Bumi Bertuah	49	bertangguh itu pencuri masa	melakukan kerja secara bertangguh akan merugikan diri sendiri.
	49	untung sabut timbul, untung batu tenggelam	jika bernasib baik akan selamat, jika bernasib malang binasalah.
5 Memacu Produktiviti	68	titik peluh	hasil usaha sendiri
6 Dunia Pelancongan	74	hujan halau mentua pun turun	hujan sebentar sahaja
	74	kecil-kecil cili padi	meskipun kecil tetapi bijak atau berani
	74	kembang hidung	sombong, berkongsi

	74	kecil jangan disangka anak besar jangan disangka bapa	pengetahuan dan kelebihan itu tidak khusus pada orang-orang tua sahaja
	74	kalau takut dilambung ombak jangan berumah di tepi pantai	jangan melakukan sesuatu kerja yang berisiko yang kita tidak sanggup / mampu tangani atau hadapi / kalau takut berhadapan dengan penderitaan, lebih baik jangan melakukan sesuatu yang susah / Sekiranya takut kepada risiko, jangan dekati bahaya
	75	takkan lari gunung dikejar	membuat sesuatu kerja biarlah dengan cermat dan berhati-hati
	77 / 84	hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri	walau bagaimanapun kelebihan di negara orang, tetap negeri sendiri lebih baik.
	77	jauhari sahaja yang mengenal manikam.	orang yang bijaksana juga mengetahui keelokan ilmu.
	77	indah khabar daripada rupa	perkhabaran sesuatu perkara yang dilebih-lebihkan.
	82	bapa borek anak rintik	anak menurut baka, kelakuan dan lain-lain dari bapanya.
	82	take tumbuh tak melata, tak sungguh orang tak kata	orang mengatakan tentang sesuatu perkara itu tentulah ada sebabnya.
	82	lain hulu lain parang, lain dulu lain sekarang	perbezaan zaman yang berubah mengikut peredaran masa.
	82	kera mendapat bunga	Seseorang yang tidak tahu menilai / menghargai pemberian orang lain.
	82	Bagaimana acuan, begitulah kuihnya	seseorang anak itu akan mengikut perangai bapa atau ibunya.
	83	sambil menyelam minum air	sekali melakukan pekerjaan, dua tiga maksud tercapai.
	84	jauh berjalan luas pandangan	jika kita banyak merantau banyaklah perkara yang kita ketahui.
7 Demi Kedamaian	88	sepandai-pandai tupai melompat, sekali akan dawai juga	sepandai-pandai orang, sekali akan salah juga perbuatannya
	90	bagai itik mendapat air	kegembiraan yang amat sangat

		kerana beroleh sesuatu yang disukai.	
90	kalau tidak berada-ada, takkan tempua bersarang rendah	tentu ada sebabnya (ada sesuatu yang tersembunyi) maka terjadi sesuatu hal.	
90	kalau tiada angin bertiup masakan pokok bergoyang.	tentu ada sebabnya maka terjadi sesuatu hal	
90	air tenang jangan disangka tiada buaya	orang yang pendiam jangan disangka bodoh atau penakut atau tidak berbahaya	
98 / 224	anak buah	orang yang termasuk dalam sesuatu keluarga / orang yang termasuk dalam sesuatu pasukan / pekerja di bawah jagaan kita.	
99	seperti telur di hujung tanduk	dalam keadaan bahaya/serba sulit	
99	sambil menyelam minum air	sekali melakukan pekerjaan dua tiga maksud tercapai	
8 Dalam Lipatan Kenangan	106	titik hitam	sejarah atau perkara buruk yang pernah berlaku
	106	pisang tidak berbuah dua kali	sekali rugi (tertipu dan sebagainya) tentu jera dan berhati-hati
	106	yang baik dijadikan teladan, yang buruk dijadikan sempadan	contohi sesuatu yang baik tetapi jauhkan daripada sesuatu yang buruk
	106	sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan.	jika kita terlanjur dalam melakukan sesuatu perbuatan, eloklah menginsafinya segera.
	112	mata air	orang kesayangan/kekasih
	112	jalan tengah	mengambil keputusan yang tidak berat sebelah
9 Sayangi Malaysiaku	117	tanah air	negeri tempat seseorang dilahirkan
	121	hidup berjiran membawa bahagia	(bahasa berbudaya)
	121	sakit sama menyaduh, luka sama menyiuk	sama-sama bertanggungjawab
	121	serumpun bak serai, sesusun bak sirih	bersatu padu dalam segala hal.

	121	mulut biar manis, hati biar baik	orang yang mulutnya manis mestilah baik juga hatinya.
	121	adat pulau limburan pasang	kehidupan manusia hendaklah bantu membantu, yang kaya membantu yang miskin dan yang berilmu membantu yang bodoh, yang berkuasa melindungi yang lemah.
	121	jiran umpama keluarga	(bahasa berbudaya)
10 Bangsa Bugar, Sastera Kekar	141	membuang muka	berpaling ke arah lain untuk mengelakkan orang lain yang tidak disukai.
11 Ekonomi Dinamik, Negara Berwibawa	150	hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih	jika kita hendak melakukan sesuatu, kita akan menyempurnakannya dengan sedaya upaya kita dan demikian juga sebaliknya.
	157	di mana ada gula, di situ ada semut	apabila sesuatu tempat mudah mendapat kesenangan atau kemewahan di situlah ramai orang berkumpul.
	157	cermat masa banyak, jimat masa sedikit	selalu berhati-hati dalam membelanjakan atau menggunakan sesuatu.
	157	besar periuk, besarlah keraknya	kalau pendapatan besar, perbelanjaan pun besar
	157	condong diumpil, lemah dianduh	orang yang dalam kesusahan wang (akal dan lain-lain) diberi pertolongan.
		ke mana perginya layang-layang, talinya ada pada kita	orang yang berhutang itu tidaklah dapat melarikan diri
12 Asli dan Kontemporari	166	air tangan	masakan seseorang
13 Segalanya Bermula di sini	180	membuka mata/buka mata	melihat dan meluaskan pandangan/ menyedarkan atau menginsafkan orang lain
14 Sihat dan Bersih Pilihanku	198	panas baran	cepat marah
	199	terlajak perahu boleh diundur terlajak kata badan binasa	berhati-hati apabila bercakap kerana ditakuti akan menyinggung perasaan orang lain.

16 Dipimpin untuk Memimpin	220	malang tidak berbau	kecelakaan yang terjadi dengan tiba-tiba.
	222	turun padang	pergi sendiri (biasanya pemimpin, pembesar dsb) ke sesuatu tempat utk menyiasat (meninjau, melihat dsb) sesuatu keadaan, masalah dsb.
	224 / 98	anak buah	orang yang tergolong dalam sesuatu keluarga/orang yang termasuk dalam sesuatu pasukan/pekerja di bawah jagaan kita.

SENARAI PERIBAHASA BUKU TEKS KSSM TINGKATAN 5

Tema	M/S	Peribahasa / Ungkapan / Slogan / Kata Hikmat	Maksud
1 Anda Bersih Anda Sihat	9	belukar menjadi rimba	kesalahan yang tidak dapat diperbaiki lagi.
2 Sukan dan Rekreasi	17	malang tak berbau	kecelakaan yang terjadi dengan tiba-tiba.
	20	tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas	adat yang tidak berubah; sesuatu yang tetap utuh.
3 Kerjaya Meniti Kejayaan	38	berrbelah bahagi	tidak tetap / teguh pendirian / perasaan dsb pada sesuatu tumpuan berbahagi berpecah
4 Bersatu Kita Teguh	46	duduk sama rendah, berdiri sama tinggi	sama taraf atau darjah
	50	tak kenal maka tak cinta	apabila tahu, baru timbul suka
	51	ada ubi ada batas	(bahasa berbudaya)
	51	membaca jambatan ilmu	amalan membaca dapat membantu menambahkan ilmu
5 Pendidikan untuk Semua	60	cerdik seperti kancil	kepandaian berdasarkan tipu helah
	60	rajin seperti semut	orang yang rajin bekerja
	60	usaha tangga kejayaan	usaha gigih untuk menempa kejayaan
	60	hemat pangkal kaya, rajin pangkal pandai (Indonesia)	orang yang hidup hemat akan menjadi kaya, orang rajin belajar akan menjadi pandai
	60	bara yang digenggam biar sampai menjadi arang	mengerjakan sesuatu yang sukar hendaklah sabar, sehingga mencapai kejayaan.
	67	berdiam diri	tidak berkata-kata
	67	berkecil hati	tersinggung perasaan
	67	menggagahkan diri	(bahasa berbudaya)
	67	barang terbuang	(bahasa berbudaya)
	67	ringan tulang	orang yang rajin membantu
	67	masa itu umpama emas	masa itu sangat berharga
6	188	ikutlah resmi padi makin	makin banyak ilmu atau makin tinggi pangkat makin

Citra Bahasa dan Sastera		berisi makin tunduk	merendahkan diri
Kita	188	jangan ikut resmi ayam, bertelur sebiji riuh sekampung	jangan membesar-besarkan kejayaan ataupun usaha yang tidak seberapa (kecil/sedikit)
	188	ikutlah resmi penyu, telur beribu tak siapa tahu	Keuntungan orang kaya walau bagaimana banyak pun tidak menjadi sebutan orang
	189	melentur buluh biarlah daripada rebungnya	mendidik anak biarlah sejak mereka kecil lagi.
	189	sampah masyarakat	orang yang tidak berguna

BENTUK SOALAN PERIBAHASA

1. Menyatakan maksud peribahasa yang diberikan

Contoh soalan:

Berikan maksud peribahasa di bawah.

- i. besar periuk, besarlah keraknya
- ii. orang mengantuk disorongkan bantal

Cadangan Jawaban:

- i. Kalau pendapatan besar, perbelanjaan pun besar.
- ii. Memperoleh apa yang benar-benar diingini.

2. Menentukan peribahasa berdasarkan ayat yang diberikan

Contoh soalan:

Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti. Kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan ayat-ayat tersebut.

- i. Sebelum melakukan sesuatu perkara, kita hendaklah berfikir dengan semasaki-masaknya agar tidak menyesal kemudian hari.
- ii. Janganlah kita boros berbelanja, sebaliknya berbelanjalah mengikut kemampuan atau bersesuaian dengan pendapatan yang kita peroleh.
- iii. Apabila kita berada di tempat orang, janganlah kita meninggi diri dan patuhilah adat resam tempat tersebut.

Cadangan Jawaban:-

- i. Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna.
- ii. Ukur baju di badan sendiri.
- iii. Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.

3. Berikan peribahasa yang sama maksud.

Contoh soalan:

Baca peribahasa di bawah dengan teliti dan berikan peribahasa yang sama maksud dengan peribahasa tersebut.

- i. alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan
Genggam bara api biar sampai jadi arang /
alang-alang berdakwat biar hitam.
- ii. seperti muncurah air ke daun keladi
Seperti muncurah garam ke laut.

4. Membina ayat berdasarkan peribahasa yang diberi.

Contoh soalan:

Tulis ayat berdasarkan setiap peribahasa di bawah ini supaya jelas menunjukkan maksud dan penggunaannya.

- i. jauhari sahaja yang mengenal manikam (77)
Bertanyalah kepada orang yang arif tentang undang-undang kerana jauhari juga mengenal manikam.
- ii. orang mengantuk disorongkan bantal (12)
Aida amat gembira kerana hasratnya untuk melancong ke Korea tercapai apabila mendapat hadiah tiket melancong percuma umpama orang mengantuk disorongkan bantal.
**Maksud: memperoleh apa yang diingininya. Peribahasa lain yang sama makna:
 - a. Orang haus diberi air,
 - b. Orang lapar diberi nasi.

5. Melengkapkan petikan atau dialog dengan peribahasa yang sesuai.

Contoh soalan:

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian isi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai.

(i)....., demikian peribahasa yang menggambarkan pelbagai golongan harus bekerjasama. Mereka dituntut agar bersefahaman dan bersatu untuk membangunkan negara. Mereka tidak wajar mementingkan diri, yakni bersikap (ii) Tambahan pula, perbuatan seperti itu bertentangan dengan norma hidup masyarakat Timur yang mengambil kira kepentingan semua pihak dalam setiap urusan yang dilakukan dan mereka mementingkan permuafakatan kerana mereka yakin bahawa (iii)

Cadangan jawaban:

- i. Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.
- ii. Seperti enau di dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing.
- iii. Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat.

6. Menentukan atau menyesuaikan peribahasa dengan maksud petikan

Contoh soalan:

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian kemukakan tiga peribahasa yang menggambarkan tiga situasi yang berbeza yang terdapat dalam petikan di bawah.

Pada zaman penjajahan, semua penduduk bersatu hati berjuang menentang penjajah sehingga negara mencapai kemerdekaan. Sekalipun mereka menghadapi pelbagai kesusahan tetapi hal itu tidak melunturkan semangat mereka kerana situasi itu sudah dilalui mereka sepanjang masa dan menjadi lumrah hidup. Walaupun ada pejuang yang ditangkap dan dituduh sebagai penderhaka, namun hal itu tidak melemahkan semangat mereka yang berkobar-kobar itu kerana mereka tidak mahu tanah air tercinta ini terus dijajah. Malah mereka lebih rela mati daripada hidup sebagai abdi di tanah air sendiri.

Cadangan jawaban:

- i. Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.
- ii. Alah bisa tegal biasa / asam garam.
- iii. Biar putih tulang, jangan putih mata.

7.

Berikan peribahasa yang sama maksud dengan setiap peribahasa yang terdapat dalam petikan.

Contoh soalan:

Baca petikan di bawah dengan teliti, nyatakan peribahasa yang sama maksud dengan setiap peribahasa yang terdapat dalam petikan.

Jualan langsung merupakan satu kaedah menjual barang kepada pelanggan. Ejen-ejen jualan akan berjalan dari rumah ke rumah untuk mempromosikan barang mereka dengan harga yang kononnya lebih murah dengan harga pasaran. Walaupun pihak Persatuan Pengguna telah membuat peringatan melalui media massa berkaitan taktik penipuan ini, namun usaha mereka diibaratkan **seperti mencurah air ke dalam keladi**. Pengguna perlu berhati-hati menerima kedatangan ejen-ejen ini supaya tidak menyesal kerana terpedaya membeli barang-barang yang tidak berkualiti bak kata **sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada gunanya**. Sesetengah daripada mereka mempunyai niat yang tidak baik **seperti ada udang di sebalik batu**. Terdapat juga pengguna yang menjadi mangsa penipuan, dan kecurian oleh ejen-ejen jualan ini.

Cadangan jawapan:

- i. Masuk telinga kanan, keluar telinga kiri / mencurah garam ke laut.
- ii. Sudah terhantuk baru terngadah / nasi sudah menjadi bubur.
- iii. Seperti tempua bersarang rendah.

CONTOH SOALAN 1

Standard Kandungan	4.2	Memahami dan menggunakan peribahasa secara lisan dan penulisan.
Standard Pembelajaran	4.2.1	Menggunakan peribahasa dan menghubung kait maksudnya dengan betul mengikut konteks.
Sumber		Buku Teks m/s 232

Baca ayat di bawah dengan telitinya dan kemudian nyatakan peribahasa atau kata-kata hikmat yang sesuai dengan ayat tersebut

- i. Hasri tidak mahu membeli kasut yang murah, sebaliknya dia mahu membeli kasut yang mahal kerana dapat dipakai lebih lama.

J: Alah membeli, menang memakai.

- ii. Ayah menggalakkan kami membaca pelbagai bahan bacaan untuk menambahkan ilmu pengetahuan.

J: Membaca jambatan ilmu.

- iii. “Semasa kami menentang penganas komunis, kami telah berjuang dengan bersungguh-sungguh, kami lebih rela terkorban daripada kalah dan menanggung malu” kata Tuk Su.

J: Biar putih tulang, jangan putih mata.

- iv. Ina menggunakan tutur kata yang sopan semasa berbual dengan rakan-rakannya. Dia tidak mahu mereka terluka dengan kata-katanya yang mungkin menghiris hati dan perasaan mereka.

J: Terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata badan binasa/ berkata pelihara lidah.

- v. Walaupun dibesarkan dalam suasana bandar yang moden, Damia Hanna dan adik-beradiknya tidak melupakan adat resam keluarga mereka. Sebagai contoh majlis perkahwinan abang Damia Hanna yang berlangsung pada minggu lepas masih mengekalkan tradisi masyarakat Minangkabau.

J: Yang lama dikelek, yang baharu didukung.

- vi. Pada awal tahun, Afiq Haikal tidak dapat menjawab soalan-soalan Matematik Tambahan yang diberikan oleh Cikgu Melinda. Walau bagaimanapun, Cikgu Melinda tidak berputus asa dan mengajar Afiq Haikal tanpa mengenal erti putus asa. Akhirnya, Afiq Haikal mendapat keputusan yang cemerlang dalam mata pelajaran Matematik Tambahan.

J: Belakang parang kalau diasah lagikan tajam.

CONTOH SOALAN 2

Standard Kandungan	4.2	Memahami dan menggunakan peribahasa secara lisan dan penulisan.
Standard Pembelajaran	4.2.1	Menggunakan peribahasa dan menghubung kait maksudnya dengan betul mengikut konteks.
Sumber		https://www.cikguayu.my/kartun-comel-teka-peribahasa/

Berdasarkan karikatur di bawah, nyatakan peribahasa yang boleh diperoleh daripadanya.



Peribahasa			
1.	mana tumpahnya kuah kalau tak ke nasi	7.	bagai kumbang mencari bunga
2.	buah tangan	8.	seperti ayam dan itik
3.	bagai bulan jatuh ke riba	9.	bagai bulan dipagar bintang
4.	panjang tangan	10.	ada udang di sebalik batu
5.	duit kopi	11.	banyak mulut
6.	air yang dicincang tidak akan putus	12.	itik di air mati kehausan, ayam di kepuk mati kelaparan

LATIHAN: SET 1

Standard Kandungan	4.2	Memahami dan menggunakan peribahasa secara lisan dan penulisan.
Standard Pembelajaran	4.2.1	Memahami dan menggunakan perbandingan semacam, kata hikmat, kiasan, madah pujangga dan bahasa berirama dengan betul mengikut konteks.
Sumber		Tema 16: Buku Teks Tingkatan 5 m/s 221

Petikan di bawah mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan dua peribahasa. Kemudian berikan yang sama maksud dengan peribahasa tersebut.

Bukit sama didaki lurah sama dituruni. Itulah yang menjadi pegangan kami dalam ekspedisi ini. Apakan daya, malang tidak berbau. Ketua kumpulan yang terpaksa menghentikan pendakian telah menyebabkan kami seperti anak ayam kehilangan ibu.

Jawaban:

1.	bukit sama didaki lurah sama dituruni	berkuah sama menghirup, bersambal sama mencolek
2.	malang tidak berbau	untung melambung, malang menimpa. / malang tak boleh ditolak, mujur tak boleh diraih
3.	anak ayam kehilangan ibu	patah kemudi perahu hanyut

LATIHAN: SET 2

Standard Kandungan	4.2	Memahami dan menggunakan peribahasa secara lisan dan penulisan.
Standard Pembelajaran	4.2.1	Menggunakan peribahasa dan menghubung kait maksudnya dengan betul mengikut konteks.
Tema 6		Dunia Pelancongan m/s 74

Petikan di bawah mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan **dua** peribahasa sahaja, kemudian berikan **maksud** peribahasa tersebut.

Tatkala tiba di jeti Kuala Tahan, kami mulai memunggah barang-barang ke dalam bot panjang yang akan membawa kami di seberang. Ketika itu, hujan halau mentua pun turun. Kak long kelam-kabut cuba menyelamatkan beg sandangnya daripada terkena air hujan. Tanpa banyak soal adik mengambil beg plastik yang agak besar lalu menyarungkan beg kak long ke dalamnya. Kak long berasa kagum dengan tindakan adik.

“Wah kecil-kecil cili padi!” Kembang hidung adik dipuji kak long.

“Itulah kak long. Kecil jangan disangka anak besar jangan disangka bapa.”

Jawaban:

1.	hujan halau mentua pun turun	hujan lebat/ hujan sementara sahaja
2.	kecil-kecil cili padi	meskipun kecil tetapi berani
3.	kembang hidung	sombong, berkongsi
4.	kecil jangan disangka anak besar jangan disangka bapa	pengetahuan dan kelebihan itu tidak khusus pada orang-orang tua sahaja

BAHAGIAN B - PEMAHAMAN (35 markah)

Terdiri daripada:

Soalan 6 : Petikan Umum

Soalan 7 : Petikan Sastera (Soalan 6 & 7 memperuntukkan 25 markah)

Soalan 8 : Novel (10 markah)

SOALAN 6: PETIKAN UMUM

BENTUK SOALAN.

1. Bahan petikan boleh diambil daripada mana-mana sumber seperti Dewan Masyarakat, Dewan Siswa, akhbar ataupun buku teks.
2. Terdapat sekurang-kurangnya 2 atau 3 bahan yang diuji dalam SATU soalan.
3. Semua bahan mesti berdasarkan tema yang sama mengikut DSKP.
4. Panjang petikan antara 120 – 140 patah perkataan.
5. Pecahan soalan tidak ditetapkan (3 atau 4 soalan) sama ada berdasarkan:
 - Maksud literal
 - Beza banding semua bahan - pemindahan maklumat
 - KBAT / pemikiran kritis
 - KBAT / penyelesaian masalah

PANDUAN MENJAWAB SOALAN

1. Peruntukan markah bagi Soalan 6 dalam lingkungan 12-13 markah dengan pengagihan markah berdasarkan 3 atau 4 soalan.
2. Murid-murid dikehendaki membaca dan mengenal pasti tema atau isu yang diketengahkan dalam kedua-dua bahan yang disediakan.
3. Soalan (i) : soalan maksud literal/ makna sebenar kata-kata yang diuji dalam bahan 1 atau 2.
4. Soalan (ii) : soalan membanding beza maklumat yang terdapat dalam kedua-dua bahan yang diuji. Jawaban mestilah diperoleh dalam petikan. **Jawaban luar petikan tidak akan diterima.**
5. Soalan (iii) : soalan yang meminta murid-murid memberikan pendapat berdasarkan isu yang diambil dalam bahan. **Jawaban dalam petikan tidak akan diterima.**
6. Soalan (iv) : soalan yang menguji murid-murid untuk menyelesaikan masalah berdasarkan isu yang dikemukakan berkaitan dengan kedua-dua bahan yang diuji. Murid-murid perlulah memberikan cadangan atau pendapat sendiri bukan diambil dalam kedua-dua bahan.
7. Jawaban untuk Soalan (iii) dan (iv) merupakan soalan KBAT yang menuntut murid-murid berfikir secara kreatif dan kritis.

CONTOH SOALAN: PETIKAN UMUM

(Contoh berdasarkan buku Format Pentaksiran SPM KSSM)

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Teknik Meja Bulat antara strategi pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) abad ke-21 yang dapat digunakan dalam semua mata pelajaran khususnya dalam kemahiran menulis. Teknik ini bermaksud murid perlu duduk dalam kumpulan. Guru akan mengedarkan kertas kepada setiap ahli dalam kumpulan dan memberikan satu tajuk kepada mereka. Secara bergilir-gilir setiap ahli kumpulan mencatat idea menggunakan pen dan kertas yang sama. Hasil dapatan murid akan dibentangkan untuk dibincangkan di dalam kelas.

Menurut Kagan (1990) teknik Meja Bulat merupakan teknik yang sederhana dalam pembelajaran koperatif. Walau bagaimanapun teknik ini kurang popular dalam kalangan guru kerana bilangan pelajar yang ramai dalam ses sebuah kelas dan ruang bilik darjah yang terhad. Oleh itu, pihak sekolah seharusnya sentiasa menggalakkan pelaksanaan pelbagai kaedah dalam PdPc kerana aktiviti yang dijalankan itu memberikan banyak faedah kepada murid.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Teknik Meja Bulat Untuk Kemahiran Menulis'
oleh Nabiha Yusof, *Pelita Bahasa Bil 7/2019*
Dewan Bahasa dan Pustaka

Bahan 2

Pada hari ini, aktiviti permainan bahasa kurang dipraktikkan di dalam bilik darjah. Antara alasan yang diberikan adalah seperti tiada ruang di dalam bilik darjah dan ketiadaan alat serta bahan yang berkaitan. Dalam konteks penghasilan produk pengajaran dan pembelajaran inovasi, permainan bahasa ini sebenarnya *cukup penting* jika kita mengambil kira murid yang lambat menerima pengajaran dan pembelajaran bahasa di kelas.

Antara aktiviti dalam permainan bahasa termasuklah kata bersilang, teka sinonim, teka silang kata, sisip vokal, lingkaran kata, silang sinonim, teka teki bentuk kata, sisip suku kata, jejak kata, ganda huruf, delapan kata, awal kata dan atur sinonim. Aktiviti-aktiviti ini sesuai digunakan pada semua peringkat pembelajaran bahasa iaitu daripada peringkat sekolah rendah hingga peringkat sekolah menengah.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Permainan Bahasa dalam Pengajaran'
oleh Hasan Baseri Budiman,
Pelita Bahasa Bil 10,2017

i.Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *cukup penting*. [2 markah]

- *maksud literal*

ii.Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan **persamaan dan perbezaan** faktor yang menyebabkan kaedah pembelajaran teknik Meja Bulat dan Permainan Bahasa kurang dipraktikkan di dalam kelas. [3 markah]

- *beza banding kedua-dua bahan-pemindahan maklumat*

iii.Aktiviti-aktiviti yang dijalankan melalui kaedah pembelajaran abad ke-21 banyak memberikan faedah kepada murid.

Pada pendapat anda, apakah faedah-faedah tersebut? [3 markah]

- *KBAT pemikiran kritis*

iv.Kumpulan anda diminta untuk menyiapkan tugas oleh guru anda dengan menggunakan teknik permainan bahasa pada masa yang ditetapkan. Namun, tugas tersebut tidak berjaya diselesaikan.

Sekiranya kumpulan anda diberikan peluang kedua untuk menyiapkan tugas yang sama dalam masa yang ditetapkan, cadangkan langkah-langkah untuk memastikan tugas tersebut dapat diselesaikan. [4 markah]

- *KBAT penyelesaian masalah*

Contoh jawaban:

- i. Maksud cukup penting ialah sangat perlu.
- ii. *Persamaan faktor* yang terdapat dalam kedua-dua bahan yang menyebabkan kaedah pembelajaran tersebut kurang dipraktikkan di dalam kelas ialah *ketiadaan ruang yang mencukupi* manakala *perbezaan faktor* yang terdapat dalam kedua-dua bahan pula ialah **Bahan 1** menyatakan *faktor bilangan murid yang ramai di dalam kelas* sementara **Bahan 2** menyatakan bahawa *kaedah tersebut kurang dipraktikkan kerana ketiadaan alat dan bahan yang berkaitan*.
- iii. Faedah-faedah yang akan diperoleh oleh para murid melalui kaedah pembelajaran abad ke-21 ialah dapat mewujudkan semangat bekerjasama apabila mereka sama-sama menyelesaikan aktiviti. Selain itu, para murid juga dapat meningkatkan potensi atau bakat kepimpinan ketika aktiviti dilaksanakan.
- iv. Antara langkah yang boleh dilakukan ialah memilih seorang ketua untuk mengendalikan kumpulan dan setiap ahli perlu mendengar cadangan daripada ketua. Seterusnya, ketua yang dipilih perlulah mengagihkan tugas dalam permainan bahasa tersebut kepada setiap ahli supaya dapat diselesaikan dengan mudah dan cepat.

LATIHAN: SET 1

Standard Kandungan	2.3	Membaca untuk memproses maklumat daripada pelbagai bahan.
Standard Pembelajaran	2.3.2	Membaca dan membanding beza maklumat daripada pelbagai bahan teks dengan betul.
Tema 4	Buku Teks	Pertanian, Penternakan Dan Perikanan

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

TEMA 4

Menjulang Harapan di Bumi Bertuah

PENCARIAN PENTERNAK JAYA MUDA

Anda berminat untuk menyertai Program Pencarian Penternak Jaya Muda?

Edwin, saya rasa awak sesuai untuk menyertai Program Pencarian Penternak Jaya Muda ini. Awak mempunyai kriteria seperti yang terdapat dalam iklan.

Terima kasih, Iqbal. Awak mesti bantu saya. Apakah yang perlu saya sediakan sebelum menghadiri temu duga itu?

Anda layak jika ...

- Warganegara Malaysia.
- Berumur antara 18 hingga 40 tahun.
- Telah mulakan projek penternakan.
- Telah mengikuti kursus teknikal tentang penternakan.
- Memiliki tanah untuk penternakan.

Adakah anda berminat?

Temui kami untuk temu duga pada tarikh dan masa seperti yang berikut:

Tarikh: 23 Februari 20

Masa: 8:00 pagi hingga 5:00 petang

Tempat: Dewan Jaya Niaga

Penganjur: Persatuan Penternak Anak Negeri

Sila bawa kertas cadangan untuk sesi temu duga.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:
Ahlia binti Zahid: 011-12345678
Peserta yang terpilih sebagai Penternak Jaya Muda akan dihubungi oleh pihak penganjur.

52 KPM

Bahan 2

ALOR SETAR: Seorang petani muda Norzan Abdullah, 39 dari Kubang Rotan, membuktikan menjadi seorang pesawah boleh menjanjikan pulangan lumayan apabila dia mampu meraih pendapatan kira-kira RM30,000 semusim. "Pada asalnya saya hanya mengerjakan sawah *pusaka orang tua* seluas dua hektar, namun saya berazam meluaskan tanaman sejauh mata memandang. Itulah cita-cita saya sejak berusia 16 tahun. Sekarang saya sudah mampu menyewa sembilan hektar sawah lain sekitar Kubang Rotan serta memiliki dua lori, sebuah mesin menuai padi dan tiga jentera pembajak, selain menggaji empat pekerja," katanya ketika ditemui di Kilang BERNAS, Sungai Baru, Kubang Rotan, di sini.

Ketika ditanya rahsia kejayaannya, Norzan pesawah cemerlang dalam Anugerah Tani Padi dan beras Nasional Bhd (BERNAS) 2019 berkata, dia tidak pernah duduk diam dan bercuti walaupun pada hujung minggu. Mulai pukul 8 pagi hingga malam dia meronda kawasan sawah untuk melihat perkembangan tanamannya dan haiwan perosak yang ada. Dia juga sering memberikan khidmat nasihat kepada pesawah lain untuk membantu meningkatkan hasil padi.

Dipetik dan diubah suai daripada,
Pesawah Muda Raih Pendapatan RM30,000 Semusim oleh [Noorazura Abdul Rahman](#) - Mac 28, 2019 @ 11:07am bhnews@bh.com.my

- i. Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *pusaka orang tua*.
[2 markah]
- ii. Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan persamaan faktor seseorang layak menerima anugerah dalam bidang pertanian dan penternakan.
[3 markah]
- iii. Bidang pertanian dan penternakan sangat penting dalam membantu ekonomi negara. Pada pendapat anda, apakah kepentingan-kepentingan tersebut?
[3 markah]
- iv. Bincangkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk menembusi pasaran luar negara bagi hasil pertanian negara kita.
[4 markah]

Cadangan Jawaban:

- i. Harta warisan / peninggalan ibu bapa
- ii. Persamaan:
 - mempunyai tanah utk pertanian / penternakan,
 - telah memulakan projek pertanian,
 - berumur bawah 40 tahun
- iii. Kepentingan bidang pertanian / penternakan:
 - menyediakan peluang pekerjaan
 - menggalakkan industri hiliran
 - mengurangkan import makanan
 - dll yang bersesuaian
- iv. Langkah menembusi pasaran luar negara:
 - mengurangkan penggunaan racun
 - pembungkusan yang menarik
 - iklan
 - dll yang bersesuaian

LATIHAN: SET 2

Standard Kandungan	2.3	Membaca untuk memproses maklumat daripada pelbagai bahan.
Standard Pembelajaran	2.3.2	Membaca dan membanding beza maklumat daripada pelbagai bahan teks dengan betul.
Tema 2	Buku Teks	Sukan dan Rekreasi

*Baca **Bahan 1**, **Bahan 2** dan **bahan 3** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Kebanyakan sukan air memerlukan stamina, kecerdasan fizikal, dan kecerdasan mental selain kemahiran khusus tentang sukan tersebut. Antara sukan air yang terkenal di Malaysia ialah sukan pelayaran, *flyboard*, kayak, jetski, luncur air dan snorkeling. Oleh itu, peminat sukan air ini bukan sahaja kekal sihat, malahan memiliki berat badan yang ideal.

Sukan air juga mampu memupuk nilai-nilai murni dalam diri. Oleh sebab kebanyakan sukan air ini melibatkan kemahiran menggunakan peralatan, peserta mestilah mematuhi arahan yang diberikan. Aspek keselamatan perlulah diutamakan. Bagi sukan air secara berkumpulan, berada di dasar laut dalam aktiviti selam skuba misalnya, sudah pasti akan memupuk sikap saling mempercayai, persefahaman, dan perpaduan yang erat. Nilai murni lain yang dapat diterapkan antaranya termasuklah keberanian, yakin diri, dan menghargai masa. Pendedahan yang berterusan kepada sukan air ini berupaya untuk meningkatkan kualiti hidup.

Dipetik dan diubah suai daripada
Kepentingan Sukan Air, Buku teks Tingkatan 4

Bahan 2

Dodgeball ialah suatu permainan yang agak baru di Malaysia. Masih ramai yang tidak mengetahui sukan ini. Kebiasaannya sukan ini berkembang dan popular dalam kalangan pelajar. Dalam permainan ini, para pemain berusaha mematikan pemain lawan dengan menggunakan bola yang ada pada mereka dan pada masa yang sama mengelak daripada terkena bola yang dibaling oleh pihak lawan.

Malaysia telah berjaya meraih banyak kejuaraan dalam sukan ini. Pasukan Malaysia pernah menjuarai tiga kejuaraan Dodgeball Asia Pasifik serta mendapat tempat kedua bagi lelaki dan ketiga bagi wanita di Kejohanan Dodgeball Dunia di Las Vegas. Dodgeball Malaysia pernah menduduki ranking pertama dunia dan kini Malaysia berada di rangking kelima dunia di belakang Australia, Austria, England dan Itali.

Dipetik dan diubah suai daripada

<https://duniasukan.com/10-sukan-baharu-yang-mampu-menyniar-di-malaysia/>

Bahan 3

Jombola merupakan sukan terbaru yang dicipta oleh rakyat Malaysia sendiri. Sukan ini diperkenalkan pada 2006 dan pada Ogos 2011. Jombola diperkenalkan secara rasmi dalam agenda sukan dunia serta di universiti sekitar Thailand, China, India dan Korea Selatan.

Sukan ini merupakan gabungan permainan badminton, tenis dan ping pong dengan menggunakan raket kayu dan bola getah. Jombola yang menuntut ketajaman penglihatan serta ketangkasan fizikal pemain ini menarik untuk ditonton, malah seronok untuk dimainkan serta tidak memerlukan kos tinggi. Jombola sesuai untuk semua peringkat usia, malah boleh dijadikan aktiviti rekreasi hingga kepada permainan berprestasi tinggi. Sama seperti sukan raket lain, jombola mempunyai peraturannya tersendiri dan boleh dimainkan secara individu maupun beregu.

Dipetik dan diubah suai daripada

<https://duniasukan.com/10-sukan-baharu-yang-mampu-meninjau-di-malaysia/>

- i. Berikan maksud rangkai kata *meningkatkan kualiti hidup* yang terdapat dalam petikan Bahan 1.

[2 markah]

- ii. Berdasarkan **Bahan 1, Bahan 2 dan Bahan 3**, berikan persamaan dan perbezaan antara punca yang menyebabkan sukan baharu kurang mendapat sambutan rakyat Malaysia.

[3 markah]

- iii. Sukan-sukan baharu memberikan banyak faedah kepada remaja. Pada pendapat anda, bagaimanakan cara menggalakkan mereka menceburi sukan-sukan baharu?

[3 markah]

- iv. Kamu ialah ahli jawatankuasa Kelab Permainan Dodgeball yang baru ditubuhkan di sekolah. Kelab kamu telah diminta menjalankan pertandingan Dodgeball antara kelab permainan.

Cadangkan langkah-langkah yang perlu diambil sebelum pertandingan dijalankan.

[4 markah]

Cadangan Jawaban:

1. Meninggikan mutu / taraf hidup.
2. Persamaan punca sukan baharu kurang mendapat sambutan:
 - Kurang pendedahan.

Perbezaan punca sukan baharu kurang mendapat sambutan

 - Sukan air memerlukan **kos** yang tinggi manakala kos sukan baharu memerlukan kos yang kurang.
 - Jawapan lain yang sesuai.
3. Cara menggalakkan remaja menceburi sukan baharu:
 - Kementerian Belia dan Sukan / Kementerian Pendidikan memberikan pendedahan yang lebih meluas tentang sukan baharu kepada sekolah-sekolah.
 - Menubuhkan kelab dan persatuan sukan baharu di sekolah.
 - Menjalankan pertandingan-pertandingan sukan baharu.
 - Jawapan-jawapan lain yang sesuai.
4. Langkah-langkah yang perlu diambil sebelum menjalankan pertandingan:
 - Berbincang dengan guru penasihat.
 - Membentuk jawatankuasa pertandingan.
 - Memilih hakim pertandingan.
 - Menyediakan iklan pertandingan.
 - Menyediakan peralatan, peraturan pertandingan dan borang-borang yang diperlukan.
 - Jawapan-jawapan lain yang sesuai.

SOALAN 7 (PETIKAN SASTERA)

BENTUK SOALAN

1. Bahan mesti berasaskan unsur karya kreatif sama ada daripada antologi yang dipelajari di sekolah (komsas tingkatan 4 atau 5) atau daripada sumber yang lain.
2. Bahan mestilah pelbagai (cerpen, puisi moden atau tradisional, drama dan lain-lain)
3. Semua bahan mesti berdasarkan tema yang sama mengikut DSKP.
4. Panjang petikan antara 120 – 140 patah perkataan.
5. Pecahan soalan tidak ditetapkan (3 atau 4 soalan)
 - Maksud literal
 - Beza banding semua bahan - pemindahan maklumat
 - KBAT / pemikiran kritis
 - KBAT / penyelesaian masalah
 - Tiada soalan elemen sastera

**contoh elemen sastera: sinopsis, tema, persoalan, plot, teknik plot, watak dan perwatakan, latar, gaya bahasa*

PANDUAN MENJAWAB SOALAN PEMAHAMAN PETIKAN SASTERA

1. Baca soalan dengan teliti untuk mendapatkan gambaran akan kehendak soalan.
2. Jawapan perlu ditulis dalam ayat yang lengkap iaitu dengan mengambil sebahagian daripada perkataan/ frasa dalam soalan sebagai ayat permulaan/ pangkal dan sambungkan dengan jawapan/ isi anda.
3. Terdapat empat jenis/ bentuk soalan:
 - a. Maksud rangkai kata
 - ✓ Tukar kepada perkataan sinonim dengan rangkai kata.
 - ✓ Jangan ambil satu pun perkataan yang diuji.
 - ✓ Uji semula maksud yang diberi ke dalam petikan asal.
 - b. Pemahaman/ maklumat dari bahan
 - Cari kata kunci yang sama/ sinonim dalam setiap bahan untuk mendapatkan jawaban.
 - Jawaban ada dalam bahan yang dikemukakan.
 - Elakkan menggunakan pendapat sendiri.
 - c. Pendapat (KBAT)
 - ❖ Jawapan yang diberi mesti berasaskan idea sendiri.
 - ❖ Jangan ambil isi daripada bahan yang diuji.
 - d. Situasi - tindakan yang sesuai
 - ❖ Jawapan yang diberi mesti berasaskan idea/ tindakan/ perkara yang perlu dilakukan untuk menyelesaikan masalah berdasarkan situasi.

CONTOH SOALAN: PETIKAN SASTERA

(Contoh berdasarkan buku Format Pentaksiran SPM KSSM)

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Rintihan Bumi

Usia aku semakin lanjut
Kalau aku terburjur
Adakah yang ingin menjagaku
Aku semakin tua
Sudah terlalu uzur aku memelihara
Anak-anakku – manusia.

Setiap hari aku berdoa agar anak-anakku
Menjaga adab
Aku banyak kali menegur
Tetapi mereka tidak juga berubah
Aku hanya mampu menangis sehingga banjir
Aku pukul mereka dengan tsunami
Tetapi mereka tidak menerima teguran itu untuk berubah.

Akhirnya apabila aku geram
Tuhan perintahkan aku menggoncang badan aku
Gempa maha dahsyat berlaku
Sehinggakan aku demam, mereka tetap terus
Mencabut pokok-pokokku
Apabila aku geram, keluarlah taufan tetapi mereka
Tetap tidak berubah.

Muhs. Syazwan Sahlan
Sungai Buluh, Selangor.
Dewan Siswa, Bil. 1 2018

Bahan 2

“Demi malar hijau yang kamu cintai, kamu perlu belajar. Hutan ini memerlukan kamu.”
“Apa maksud cikgu?”
“Tidakkah kamu tahu bahawa di seluruh dunia, hutan diancam aktiviti pembalakan. Sindiket yang gila akan duit menceroboh dan membunuh fauna dan flora di kawasan hutan simpan. Bukan sahaja di Malaysia, malah hutan malar hijau di Lembangan Amazon juga terancam.”
“Pohon-pohon tembusu padang, meranti seraya, dan meranti tembaga di kawasan simpan, 20 km dari sini sudah tiada lagi cikgu,” kata Daneng terputus-putus.
Suaranya ditenggelami kekecewaan yang pedih. “Apakah yang dapat saya lakukan. Apabila tiba di sana, mereka sudah tiada, pokok-pokok ini juga sudah tiada.”
Sebab itulah kamu harus belajar, Daneng. Mungkin kamu dapat menjadi pegawai

perhutanan negara, dan melaksanakan satu rancangan yang lebih agresif untuk membanteras kelompok musuh ini, atau kamu dapat menjadi saintis, mencipta sesuatu yang dapat menggantikan tempat kayu. Barulah hutan akan terselamat. Masa depan pohon tualang pujaanmu juga akan terjamin,” hujah Jo.

Dipetik daripada cerpen ‘*Lambaian Malar Hijau*’
oleh Seroja Theavy a/p Balakrishnan
antologi *Anak Laut*, Dewan Bahasa dan Pustaka

Bahan 3

PANTUN SAYANGI ALAM

Cerah dian di malam gelita,
Diserikan embun dibawa deru;
Indah nian negara tercinta,
Daun merimbun laut membiru.

Tumbuh pegaga di tanah rata,
Penuh kawasan luas terbentang;
Mari dijaga alam semesta,
Jadi warisan generasi mendatang

Tercalit ranah di atas pelantar,
Sapu ke tepi cemar tak berubah;
Andai musnah alam sekitar,
Bersedia hadapi segala musibah

Di hujung desa tumbuh halban,
Kian tenggelam dilitupi lalang;
Harta binasa nyawa terkorban,
Keindahan alam turut hilang.

Nor Hafuza Arif
Shah Alam, Selangor

- i. Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud menjaga adab. [2 markah]

Maksud *menjaga adab* ialah budi pekerti yang baik.

- i. Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan kesan-kesan kemasuhan alam sekitar akibat aktiviti manusia. [4 markah]

Berdasarkan kesemua bahan, antara kesan kemasuhan alam sekitar akibat aktiviti manusia ialah *berlaku masalah banjir, gempa bumi yang dahsyat juga akan berlaku, pokok-pokok akan tercabut daripada bumi serta taufan akan berlaku. Selain itu, hutan turut akan terancam akibat aktiviti pembalakan. Akhir sekali, alam sekitar akan musnah serta keindahan alam akan turut hilang.*

- ii. Alam sekitar sangat penting dalam kehidupan manusia dan menjadi tanggungjawab bersama untuk memuliharanya.

Pada pendapat anda, apakah kepentingan-kepentingan memulihara hutan di negara ini ? [3 markah]

Pada pendapat saya, antara kepentingan memulihara hutan di negara ini ialah hutan merupakan tempat kawasan tадahan air hujan. Selain itu, hutan juga berfungsi untuk menstabilkan oksigen di permukaan bumi. Seterusnya, hutan juga tempat habitat flora dan fauna. Akhir sekali, hutan juga penting untuk menjana pembangunan ekonomi negara.

- iii. Pada suatu petang, anda sedang memancing ikan di sebatang sungai yang jernih, tiba-tiba anda ternampak tiga orang pemuda yang sedang mengangkut beberapa buah tong yang mengandungi cecair. Mereka mencurahkan cecair tersebut ke dalam sungai. Setelah mereka beredar, anda mendapati warna air sungai semakin keruh dan kelihatan beberapa ekor ikan mulai terapung. Anda yakin bahawa cecair tersebut ialah sisa toksik.

Sebagai rakyat yang prihatin, bagaimanakah anda dapat membantu untuk mengatasi masalah ini? [4 markah]

Sebagai rakyat yang prihatin, cara yang boleh dilakukan untuk mengatasi masalah ini ialah pihak media massa perlu mendedahkan lebih banyak tentang isu-isu alam sekitar kepada masyarakat. Selain itu, kempen alam sekitar juga boleh dijalankan seperti kempen cintai sungai dan lain-lain. Seterusnya, melalui organisasi seperti sekolah di mana guru perlulah menunjukkan sikap lebih prihatin terhadap penjagaan alam sekitar. Akhir sekali, penggunaan teknologi moden yang mampu untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar adalah amat penting.

LATIHAN: SET 1

Standard Pembelajaran

4.1.1 (Ting 4)	Memahami dan mengapresiasi prosa moden dan prosa tradisional dengan menyatakan respons peribadi yang sesuai terhadap karya.
4.1.1 (Ting 4)	Memahami dan mengapresiasi puisi moden dan puisi tradisional dengan menyatakan respons peribadi yang sesuai terhadap karya.
Tema 8	Dalam Lipatan Kenangan

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Bonda tahu, secubit ilmu yang mengisi dada yang kerdil ini tidak akan mampu mengekang ledakan perubahan sosial yang boleh meragut jati diri saya sebagai generasi bermaruah. Saya akui kebenaran kata-kata bonda tentang malapetaka yang sedang menghinggapi sekian ramai anak-anak sebangsa saya. Kebanyakannya tergadai maruah dan harga diri dek mengejar dunia yang bergelar globalisasi dalam menuju arus perdana.

“Mel, agama dan bahasa itu cermin maruah kita yang ditinggalkan nenek moyang! Jasad yang dibaluti agama serta lidah yang dilebatи bahasa ibunda merupakan warisan kita yang masih ada. Andai kedua-dua sudah hilang di atas muka bumi ini, kita bukan lagi generasi bermaruah, tetapi bangsa yang dilaknat Allah.”

Pesan bonda itu kekal melebat dalam hati sanubari saya. Pesan mulus yang terpahat lama di pangkal hati. Oleh itu, saya tangguhan berkali-kali hasrat itu. Hasrat untuk menjengah warga kota yang pesat dengan kemajuan dan peradaban. Saya batalkan keinginan meruap-ruap dalam diri saya untuk mencari pengalaman baharu sebagai warga kota.

Dipetik daripada cerpen *Munsyi*
oleh Husna Nazri,
antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahan 2

Gelanggang

Ini gelanggang kita
Yang diwariskan oleh pendekar-pendekar datuk moyang lebih
Lima dekad yang lalu
Satu persepakatan kaum untuk diturunkan kepada anak cucu
Di kemudian hari

Hari ini kitalah pewaris gelanggang yang terbina dari keringat
Dan air mata
Dengan gelanggang inilah negra aman makmur rakyat
Berpadu

Kita pelihara gelanggang ini dengan kejap sepenuh hati
Kita mempertahankan kedaulatan watan dari anasir jahat
Kerana telah terbukti dapat menyatupadukan pelbagai
Keturunan.

Para pendekar kita harus berani berjuang menangkis tohmahan
Demi mempertahankan maruah gelanggang keramat suci ini
Suara-suara momokan sumbang memperlekehkan menyentuh
Hati nurani
Kita sanggah nyah tanpa kompromi dari menggugah
Gelanggang
Jangan sekali bermain api kelak membiasakan diri sendiri.

Marilah para pahlawan setia kita kukuhkan ukhuwah
Elakkan pertelingkahan sesama sendiri

Kitalah pewaris abadi yang menjunjung amanah ini
Agar kecemerlangan tercenna di persada arena
Terus memacu kejayaan demi maruah harga jati diri
Membina sebuah negara bangsa yang harmoni dan dihormati
Kita junjung dan taat hingga ke akhir hayat.

Onn Malini
Pohon Tradisi,2012
Gapeniaga Sdn.Bhd.

- i. Berdasarkan **bahan 2**, berikan maksud *persada arena*.

[2 markah]

- ii. Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, mengapa kita perlu menghargai jasa pejuang tanah air?

[4 markah]

- iii. Pada pendapat anda, mengapa keamanan negara wajar dijaga dan dipelihara?

[3 markah]

- iv. Pada masa ini, generasi muda semakin lalai dengan pengaruh dunia luar yang memberi kesan kepada akhlak.

Sebagai masyarakat yang prihatin, apakah nilai yang perlu diterapkan dalam diri yang boleh menjadi benteng daripada pengaruh luar?

[4 markah]

Cadangan Jawaban:

- i. Maksud rangkai kata *persada arena* ialah:
 - peringkat dunia
- ii. Berdasarkan Bahan 1 dan bahan 2, kita perlu menghargai jasa pejuang tanah air:
 - maruah negara dan jati diri dapat dipertahankan.
 - usaha dan perjuangan nenek moyang yang berusaha dan memerdekakan dan mendaulatkan negara wajar kita kenang dan hargai.
 - dapat memelihara negara daripada ancaman luar yang ingin menggugat kestabilan negara.
 - perpaduan antara kaum terus dikekalkan.
 - bebas daripada sebarang kongkongan dan ancaman luar.
- iii. Pada pendapat saya, keamanan negara perlu wajar dijaga dan dipelihara kerana:
 - dapat mewujudkan sebuah tembok pertahanan yang kukuh.
 - dapat menjamin keselamatan sesebuah negara.
 - dapat menjamin kestabilan ekonomi dan politik negara.
 - negara yang aman dan damai dapat menjamin keselamatan dan kebahagiaan rakyatnya.
- iv. Nilai diri yang boleh menjadi benteng daripada pengaruh luar ialah:
 - nilai kesyukuran
 - nilai kesopanan
 - nilai rasional
 - nilai keberanian
 - nilai patriotisme
 - nilai jati diri

LATIHAN: SET 2

Standard Kandungan

4.1.1 (Ting 4)	Memahami dan mengapresiasi prosa moden dan prosa tradisional dengan menyatakan respons peribadi yang sesuai terhadap karya.
4.1.1 (Ting 4)	Memahami dan mengapresiasi puisi moden dan puisi tradisional dengan menyatakan respons peribadi yang sesuai terhadap karya.
Tema 3	Kerjaya

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Sang Animator

Dia terjun ke sungai animasi
Dengan perahu kemahiran
Perisian moden juga terkini.

Di hujung jari
Dia menghidupkan watak-watak
Memberikan nyawa kepada karakter
Agar hidup di layar cerita.

Hidupnya paparan aneka warna
Dunia gerakan juga suara
Kesan bunyi menyentap jiwa
Gabungan paparan audio dan visual
Serta emosi pelengkap cereka.

Sang animator
Indah di sebalik tabir
Kerana dialah
Anak-anak sidek
Usop Sontorian
Bola Kampung
Ejen Ali atau Keluang Man
Kampung Boy atau BoboiBoy
Malah Upin dan Ipin
Serta Omar dan Hana
Mewarnai alam ria kanak-kanak
Terus gemerlap
Di garis kenangan.

Dialah penghidup
Karakter hero
Mengolah watak-watak tempatan

Mendapat tempat
Di pentas dunia.

Sang animator, baginya
Senyum tawa para penonton
Dengan keletah penuh ceria
Menjadikan dia bahagia
Buat selamanya.

Nimoiz T.Y
Gu Ipoh, Tanah Merah

Bahan 2

Hakim menandatangani kontrak dengan pihak RAJA. Maka jadilah dia seorang petani moden merangkap anak muda yang berjasa kepada nusa dan bangsa dengan menyumbang ke arah penambahan pengeluaran makanan negara.

Tahniah! Aku doakan kau berjaya. Setahun lagi insya-Allah aku akan pulang. Kita jumpa di reban ini untuk merayakan ulang tahun kau menjadi penternak," kata Azam sambil menggenggam tangannya erat-erat tanda memberi semangat. Mereka akan terpisah buat sementara kerana Azam akan mengikuti kursus selama sepuluh bulan di luar negara.

Dipetik daripada cerpen *Kaduk, Ayam dan Raja* oleh Zurinah Hassan
Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 3

Semua pelajar : Assalamualaikum dan selamat sejahtera, cikgu.

Cikgu Dahari : Waalaikumussalam dan selamat sejahtera.

Semua boleh duduk. Semua dah baca berita tentang murid yang terpilih dan penempatan untuk PLKN?

Nora : Sudah cikgu. Ramai yang terpilih dan kami amat teruja untuk menyertainya. Tak sabar rasanya.

Cikgu Dahari : Baguslah kalau begitu. Bertuah negara kita punyai remaja seperti kalian. Sentiasa sedia berkidmat untuk negara.

Dipetik daripada *Berkhidmat Untuk Negara*
oleh Affix Zulkarnaen Adam
Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- i. Berdasarkan **Bahan 1**, siapakah sang animator di sebalik tabir ? [2 markah]
- ii. Senaraikan pekerjaan yang terdapat dalam **semua** bahan di atas. [3 markah]
- iii. Berdasarkan **Bahan 2** dan **bahan 3**, sebagai seorang pelajar apakah usaha-usaha yang boleh anda lakukan untuk mencapai cita-cita yang diinginkan. [3 markah]
- iv. Merujuk kepada keadaan ekonomi pada hari ini, sesetengah majikan tidak mampu lagi untuk menawarkan gaji yang tinggi kepada graduan. Oleh itu, kerajaan pula telah menggalakkan supaya graduan untuk bekerja sendiri.
Apakah kerjaya pilihan anda? Huraikan. [4 markah]

Cadangan Jawaban:

- i. Berdasarkan **Bahan 1**, sang animator ialah :
 - Anak-anak Sidek
 - Usop sontorian
 - Bola kampung
 - Ejen ali
 - Keluang Man
 - Kampung Boy atau BoBoiBoy
 - Upin dan Ipin
 - Omar dan Hana
- ii. Pekerjaan yang terdapat dalam **bahan semua** bahan di atas ialah :
 - Sang animator.
 - Sebagai guru / pendidik.
 - petani moden/ penternak.
- iii. Berdasarkan **Bahan 2** dan **bahan 3**, pada pendapat saya sebagai seorang pelajar antara usaha yang boleh saya lakukan untuk mencapai cita-cita yang diinginkan ialah:
 - *belajar bersungguh-sungguh.*
 - *mengikuti kursus.*
 - *mengikuti kelas kemahiran.*
- iv. Kerjaya pilihan saya ialah :
 - Terima jawaban sekiranya relevan.

SOALAN 8 -NOVEL (10 MARKAH)

1. Dua soalan diuji.
2. Markah keseluruhan 10 markah iaitu 4 markah untuk soalan (i) dan 6 markah untuk soalan (ii) namun kombinasi markah untuk soalan (i) dan (ii) tidak tetap.
3. Markah bahasa:
 - Soalan (i) tidak ada markah bahasa yang khusus, tetapi berdasarkan deskripsi pemerkahan.
 - Soalan (ii) markah bahasa : maksimum 2 markah secara holistik.
4. Bentuk soalan:
 - Soalan 8 (i):
 - Pemahaman petikan novel (berdasarkan petikan sebuah novel daripada mana- mana novel 4 zon)
 - Panjang petikan yang diberi antara 100 hingga 120 patah perkataan.
 - Soalan 8 (ii):
 - Pemikiran kritis (berdasarkan novel yang dikaji mengikut zon).
5. Kaedah menguasai novel.
 - a. Murid mestilah membaca dan mengetahui jalan cerita novel yang telah dibaca.
 - b. Fahami kandungan novel yang dibaca.
 - c. Kenal pasti elemen menarik seperti nilai dan pengajaran dalam sesebuah peristiwa dalam novel.
 - d. Kenal pasti tujuan pengarang menyelitkan unsur lelucon (jenaka/ menggelikan hati).
 - e. Kenal pasti peristiwa yang menggembirakan dan peristiwa yang mendukacitakan dalam novel.

PANDUAN MENJAWAB NOVEL

Soalan 8 (i)

1. Murid membaca arahan soalan dan fahamkan kehendak soalan yang diuji.
2. Murid membaca petikan dan fokus pada perkataan yang berkaitan dengan kehendak jawaban.
3. Murid menulis jawaban dengan memulakan dengan permulaan ayat yang diambil daripada sebahagian soalan.

Contoh soalan:

Apakah punca yang menyebabkan Muhammad Taufik dan Nurul Hafsa diculik?

Contoh jawaban:

Punca yang menyebabkan Muhammad Taufik dan Nurul Hafsa diculik (permulaan ayat yang diambil daripada arahan soalan) kerana

4. Murid perlu merujuk markah yang diperuntukkan agar dapat menjangkakan jumlah isi yang diperlukan.

Soalan 8 (ii)

1. Soalan 8(ii) memperuntukkan markah lebih banyak daripada 8(i).
2. Analisis soalan terlebih dahulu.
3. Kenal pasti **kata tugas (KT)/ kata kunci (KK)/ kehendak soalan (KS)**.
4. Buat **rangka jawapan** supaya menjawab ikut kehendak soalan.
5. Pastikan perkataan yang dikenal pasti sebagai kata kunci ditulis dalam setiap ayat jawaban agar isi tidak terpesong.

Contoh Soalan 8 (ii):

Pelbagai peristiwa yang dapat dijadikan teladan telah diwujudkan oleh pengarang dalam novel yang dihasilkannya.

Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, **huraikan (KT) satu peristiwa (KS)** yang dapat dijadikan **teladan (KK)** dalam setiap novel tersebut.

[6 markah]

Contoh:

KT	Huraikan
KK	teladan
KS	satu peristiwa / 2 novel

AKTIVITI PENGUKUHAN 1: TEKNIK MENGANALISIS SOALAN

- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan dua peristiwa yang boleh dijadikan panduan hidup oleh pembaca. [6 markah]

KT	huraikan
KK	panduan hidup
KS	dua peristiwa/ sebuah novel

- (b) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan kebaikan yang diperoleh pembaca apabila membaca novel tersebut. [6 markah]

KT	jelaskan
KK	kebaikan
KS	sebuah novel/ kebaikan yang diperoleh pembaca

(c) Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, huraikan satu peristiwa bagi setiap novel yang pada pendapat anda dapat menimbulkan perasaan simpati pembaca.

[6 markah]

KT	huraikan
KK	perasaan simpati
KS	dua buah novel/ satu peristiwa

(d) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan sebab-sebab anda bersetuju dengan judul novel tersebut.

[6 markah]

KT	jelaskan
KK	judul
KS	sebab-sebab/ sebuah novel

AKTIVITI PENGUKUHAN: MEMBUAT RANGKA JAWAPAN NOVEL

Contoh soalan 8(ii) (6 markah)

Berdasarkan sebuah novel (KS) yang anda pelajari, **huraikan (KT) dua (KS) cabaran (KK) yang dihadapi oleh watak utama dan cara watak utama (KS) mengatasi cabaran tersebut.** [6 markah]

Isi 1 (Cabaran)	Pantai Kasih: Cabaran Doktor Raiha mempertahankan kandungannya daripada Doktor Sadiz yang memaksa Doktor Raiha menggugurkan kandungan tersebut kerana dikatakan cacat apabila dilahirkan.
Huraian (Cara mengatasi)	Cara mengatasi cabaran ialah Doktor Raiha tetap tidak mahu menggugurkan kandungannya itu walaupun Doktor Sadiz cuba mencederakannya. Akhirnya, mereka berdua mengambil jalan perceraian.
Isi 2 (Cabaran)	Pantai Kasih: Cabaran Doktor Raiha menghadapi kematian anak yang disayanginya.
Huraian (Cara mengatasi)	Cara mengatasi cabaran ialah Doktor Raiha berusaha melupakan peristiwa hitam anak perempuannya Rohayu yang telah meninggal dunia akibat disambar api dalam satu kebakaran kereta mewah milik suaminya, Doktor Sadiz. Doktor Raiha juga memaafkan Felicia dan tidak berdendam walaupun Felicia tidak menceritakan kejadian sebenar lebih awal. Felicia memberitahu Raiha tentang rahsia berkaitan punca kematian anaknya. Punca kematian anaknya adalah kerana Doktor Sadiz membakar kereta mewahnya sebagai tanda kemarahan terhadap Raiha.
+2 markah Bahasa	Bonus

- Kata kunci yang dikenal pasti ialah **CABARAN**. Oleh itu, perkataan **CABARAN** perlu ada dalam setiap ayat jawaban.

Jawaban Lengkap

Novel yang saya kaji ialah Pantai Kasih. **Cabaran** yang dihadapi oleh watak utama iaitu Raiha ialah **cabaran** Doktor Raiha mempertahankan kandungannya daripada Doktor Sadiz yang memaksa Doktor Raiha menggugurkan kandungan tersebut kerana dikatakan cacat apabila dilahirkan. (**Isi: 1m**) Cara mengatasi **cabaran** tersebut ialah Doktor Raiha tetap tidak menggugurkan kandungannya itu walaupun Doktor Sadiz cuba mencederakannya. Akhirnya, mereka berdua mengambil jalan perceraian. (**Huraian: 1m**)

Cabaran kedua ialah **cabaran** Doktor Raiha menghadapi kematian anak yang disayanginya. (**Isi: 1m**) Cara mengatasi **cabaran** tersebut ialah Doktor Raiha berusaha melupakan peristiwa hitam anak perempuannya Rohayu yang telah meninggal dunia akibat disambar api dalam satu kebakaran kereta mewah milik suaminya, Doktor Sadiz. Doktor Raiha juga memaafkan Felicia dan tidak berdendam walaupun Felicia tidak menceritakan kejadian sebenar lebih awal. Felicia memberitahu Raiha tentang rahsia berkaitan punca kematian anaknya. Punca kematian anaknya adalah kerana Doktor Sadiz membakar kereta mewahnya sebagai tanda kemarahan terhadap Raiha. (**Huraian: 1m**)

Isi	= 4m
Bahasa	= 2m
Jumlah	= 6m

KOMEN:

Huraian jelas dan tepat

Sebaik-baiknya, huraian perlu ada NAMA WATAK, CABARAN dan CARA MENGATASI

CONTOH SOALAN NOVEL

(Contoh berdasarkan buku Format Pentaksiran SPM KSSM)

- i. *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

“Tentulah tidak,” balas Muhammad Taufik, nadanya tenang sahaja.

“Saya telah memutuskan bahawa kelip-kelip di Kuala Selangor berada di ambang kepupusan. Kedatangan pelancong yang ramai, hampir 100 ribu orang pada setiap tahun, dengan semua entiti yang datang bersama mereka seperti suara manusia, bunyi enjin motobot, cahaya lampu di jeti, pencemaran air sungai yang mengancam pokok-pokok berembang, pemusnahan kawasan paya bakau, cahaya dari kawasan petempatan manusia, dan cahaya roda *ferris*, semuanya membawa ancaman kepada populasi kelip-kelip. Kelip-kelip ini, yang telah wujud jutaan tahun di tempat ini dan tidak pernah mendatangkan sebarang kesusahan kepada manusia di sini akan mengalami kepupusan dalam masa setahun sahaja jika keadaan sedia ada berterusan.

Dipetik daripada Novel Bimasakti Menari
karya Sri Rahayu Mohd Yusop
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan faktor-faktor populasi kelip-kelip di Kuala Selangor semakin berkurangan.

[4 markah]

Jawaban:

- i. **Faktor-faktor populasi kelip-kelip di Kuala Selangor semakin berkurangan ialah suara manusia, bunyi enjin motobot dan cahaya lampu di jeti. Selain itu, pencemaran air sungai yang mengancam pokok-pokok berembang dan pemusnahan kawasan paya bakau. Akhir sekali, cahaya dari kawasan petempatan manusia dan cahaya roda ferris.**

ii. Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- a. Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
- b. Di Sebalik Dinara, karya Dayang Nor
- c. Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
- d. Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- e. Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip
- f. Tirani, karya Beb Sabariah
- g. Silir Daksina, karya Nizar Parman
- h. Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **sebuah novel** yang anda pelajari, jelaskan sebab-sebab permulaan cerita tersebut menarik perhatian pembaca.

[6 markah]

Jawaban:

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih. Sebab-sebab permulaan cerita menarik perhatian saya ialah melalui peristiwa Dr. Raiha bersimpati dengan nasib Unong Siron yang telah dibedah oleh Dr. Uwang sebanyak lima kali tetapi masih belum sembah. Peristiwa ini menarik perhatian pembaca kerana pembaca ingin mengetahui nasib Unong Siron yang terpaksa menjalani pembedahan tulang sendi pinggul sebanyak lima kali tetapi masih belum sembah. Pembaca ingin mengetahui nasib Unong Siron sama ada akan sembah atau tidak pada penghujung cerita.

Selain itu, peristiwa Felicia yang menyelinap masuk ruang farmasi Pusat Perubatan Pantai Kasih untuk mengambil ubat batuk dan meminumnya. Peristiwa ini menarik perhatian pembaca kerana pembaca ingin mengetahui tujuan Felicia minum ubat batuk bagi menghilangkan tekanan yang dihadapinya. Pembaca juga ingin mengetahui punca tekanan yang dialami oleh Felicia sehingga mengambil jalan singkat untuk mengatasi masalah tersebut.

LATIHAN: SET 1

Standard Pembelajaran

2.1.2 (Ting. 5)	Membaca petikan prosa dan puisi dengan intonasi yang betul dan nada yang sesuai berdasarkan situasi.
4.1.1 (Ting. 4)	Memahami dan mengapresiasi prosa moden dan prosa tradisional dengan menyatakan respon peribadi yang sesuai terhadap karya.
Sumber	Buku teks novel Pantai Kasih

- i. Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Bagaimana dengan ikrarmu suatu ketika dahulu Felicia? Lupakah engkau tentang segala perkara yang pernah engkau pelajari sewaktu menjalani latihan asas secara intensif dahulu?” tanya Doktor Raiha kepadanya secara sinis.

Hampir tergelak Felicia apabila dia mengingati semula kata-kata Doktor Raiha. Hatinya tertanya-tanya, apakah Doktor Raiha akan memberikan ceramah tentang mata pelajaran Kejururawatan Asas, Anatomi dan Fisiologi, Kesihatan Diri dan Awam, Psikologi dan Etika dan sebagainya? Apakah Doktor Raiha akan terus mengingatkan dia tentang keperibadian dan sikap murni yang perlu dan seharusnya dimiliki oleh seorang jururawat, setiap kali bersua muka dengannya kelak? Menggesa dia agar terus berkorban untuk memuaskan hati para pesakit yang menerima rawatan di PRPK itu? Mengingatkan dia tentang kesungguhan, kecekapan dan juga rasa tanggungjawab yang tinggi terhadap bidang tugasnya dalam kerjaya seperti itu?

Dipetik daripada novel *Pantai Kasih*, muka surat 19
karya Azmah Nordin
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan mata pelajaran yang berkaitan dengan bidang kejururawatan yang dipelajari oleh Felicia semasa latihan asas.

[4 markah]

Contoh jawaban

Mata pelajaran yang berkaitan dengan bidang kejururawatan yang dipelajari oleh Felicia semasa latihan asas ialah **Kejururawatan Asas** dan **Anatomi dan Fisiologi**. Selain itu, mata pelajaran **Kesihatan Diri dan Awam** dan **Psikologi dan Etika**.

Standard Pembelajaran

2.1.2 (Ting. 5)	Membaca petikan prosa dan puisi dengan intonasi yang betul dan nada yang sesuai berdasarkan situasi.
4.1.1 (Ting. 4)	Memahami dan mengapresiasi prosa moden dan prosa tradisional dengan menyatakan respon peribadi yang sesuai terhadap karya.
Sumber	Buku teks novel Pantai Kasih dan Bimasakti Menari.

ii. *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- a. Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
- b. Di Sebalik Dinara, karya Dayang Nor
- c. Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
- d. Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- e. Songket Bebenang Emas, karya Khairuddin Ayip
- f. Tirani, karya Beb Sabariah
- g. Silir Daksina, karya Nizar Parman
- h. Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan dua perasaan anda selepas selesai membaca novel tersebut. Nyatakan sebab-sebab anda berperasaan begitu.

[6 markah]

Novel Pantai Kasih

	Perasaan	Peristiwa
1.	amat marah: Perasaan ini timbul apabila pemilik PRPK mengambil kesempatan daripada kesusahan dan penderitaan yang dialami oleh orang lain.	Buktinya, pembedahan yang dilakukan terhadap Unong Siron sengaja diulang enam kali kerana niatnya untuk memperoleh keuntungan. Ibu Unong Siron diberitahu bahawa sendi tulang pinggul untuk Unong Siron dibeli di luar negara. Anehnya setiap kali pembedahan dilakukan maka ada sahaja sendi yang perlu ditempah.
2.	perasaan kecewa: Masih ada bapa yang memandang serong terhadap kecacatan yang dialami oleh anak sendiri.	Buktinya, Doktor Sadiz mahukan anaknya, Rohayu yang mengalami sindrom down dihantar ke Pusat Pemulihan Kanak-kanak Istimewa. Baginya, anak yang cacat itu hanya menyusahkan keluarga.

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih. Perasaan saya setelah membaca novel tersebut ialah saya berasa **amat marah**. Perasaan ini timbul **apabila pemilik PRPK mengambil kesempatan daripada kesusahan dan penderitaan yang dialami oleh orang lain**. Sebagai bukti, **pembedahan yang dilakukan terhadap Unong Siron sengaja diulang enam kali kerana niatnya untuk memperoleh keuntungan**. Ibu Unong Siron diberitahu bahawa sendi tulang pinggul untuk Unong Siron dibeli di luar negara. Anehnya setiap kali pembedahan dilakukan maka ada sahaja sendi yang perlu ditempah.

Selain itu, saya juga berasa **kecewa** selepas membaca novel ini. Hal ini demikian kerana **masih ada bapa yang memandang serong terhadap kecacatan yang dialami oleh anak sendiri**. Sebagai bukti, **Doktor Sadiz mahukan anaknya, Rohayu yang mengalami sindrom down dihantar ke Pusat Pemulihan Kanak-kanak Istimewa**. Baginya, anak yang cacat itu hanya menyusahkan keluarga.

Novel Bimasakti Menari

	Perasaan	Peristiwa
1.	gembira: Perasaan ini timbul apabila melihat kegigihan anak muda melestarikan alam sekitar.	Buktinya, Nurul Hafsa, Muhammad Taufik dan Budiman berusaha bersungguh-sungguh mengembalikan kegelapan di Kuala Selangor dengan merancang projek Kawasan Simpan Langit Gelap di Kuala Selangor agar bintang-bintang dapat dilihat semula dan populasi kelip-kelip tidak pupus. Walaupun mendapat tentangan daripada Dato' Johann Arlington Majid yang cuba menggagalkan usaha mereka tetapi berkat kegigihan mereka, projek ini mendapat persetujuan daripada Menteri Besar.
2.	empati: Perasaan ini timbul apabila melihat kesanggupan seorang kawan sanggup mempertaruhkan dirinya demi menyelamatkan kawan yang dalam kesusahan.	Buktinya, kesanggupan Muhammad Taufik mempertaruhkan nyawanya demi menyelamatkan Nurul Hafsa yang diculik oleh orang suruhan Dato' Johann Arlington Majid. Muhammad Taufik sanggup berjumba dengan penculik di sebuah stesen minyak Petronas untuk memastikan Nurul Hafsa dapat diselamatkan.

Novel yang saya kaji ialah novel Bimasakti Menari. Perasaan saya setelah membaca novel tersebut ialah saya berasa **gembira**. Perasaan ini timbul apabila **melihat kegigihan anak muda melestarikan alam sekitar**. Sebagai bukti, **Nurul Hafsa, Muhammad Taufik dan Budiman berusaha bersungguh-sungguh mengembalikan kegelapan di Kuala Selangor dengan merancang projek Kawasan Simpan Langit Gelap di Kuala Selangor agar bintang- bintang dapat dilihat semula dan populasi kelip-kelip tidak pupus**. Walaupun mendapat tentangan daripada **Dato' Johann Arlington Majid** yang cuba menggagalkan usaha mereka tetapi berkat kegigihan mereka, projek ini mendapat persetujuan daripada **Menteri Besar**.

Selain itu, saya juga berasa **empati** selepas membaca novel ini. Hal ini demikian kerana, **saya dapat melihat kesanggupan seorang kawan yang sanggup mempertaruhkan dirinya demi menyelamatkan kawan yang dalam kesusahan**. Sebagai bukti, **kesanggupan Muhammad Taufik mempertaruhkan nyawanya demi menyelamatkan Nurul Hafsa yang diculik oleh orang suruhan Dato' Johann Arlington Majid**. Muhammad Taufik sanggup berjumpa dengan penculik di sebuah stesen minyak Petronas untuk memastikan Nurul Hafsa dapat diselamatkan.

LATIHAN: SET 2

Standard Pembelajaran

2.1.2 (Ting. 5)	Membaca petikan prosa dan puisi dengan intonasi yang betul dan nada yang sesuai berdasarkan situasi.
4.1.1 (Ting. 4)	Memahami dan mengapresiasi prosa moden dan prosa tradisional dengan menyatakan respon peribadi yang sesuai terhadap karya.
Sumber	Buku teks novel Pantai Kasih

- i. *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Jika mengikut deskripsi tugasnya, Nurul Hafsa sebagai seorang pegawai sains yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda Sains Kepujian dalam bidang fizik bertanggungjawab mengurus tadbir dan menyelia semua urusan berkaitan dengan pentadbiran Balai Cerap Sultan Salahuddin, termasuklah merancangkan dan melaksanakan program penyelidikan astronomi dan sains angkasa secara rutin. Dia juga sepatutnya memantau, menyelenggara dan mengawal sistem teknologi maklumat serta mengumpul data-data hasil kajian cakerawala di balai cerap itu. Menjadi tanggungjawabnya juga nanti untuk membangunkan aplikasi teknologi maklumat berkaitan dengan falak di balai cerap. Nurul Hafsa juga bertanggungjawab melaksanakan aktiviti falak, termasuk mengesahkan arah kiblat, cerapan hilal rasmi dan bulanan, program latihan dan juga praktikal falak serta mengadakan program promosi dan publisiti balai cerap. Bagaimana dia hendak melaksanakan deskripsi tugasnya jika tiada apa-apa yang boleh dilihat lagi selain bulan di langit?

Dipetik daripada Novel Bimasakti Menari
Karya Sri Rahayu Mohd Yusop
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan bidang tugas Nurul Hafsa yang berkaitan dengan aktiviti falak.

[4 markah]

Contoh Jawaban

Bidang tugas Nurul Hafsa yang berkaitan dengan aktiviti falak ialah **mengesahkan arah kiblat, cerapan hilal rasmi dan bulanan, program latihan dan juga praktikal falak serta mengadakan program promosi dan publisiti balai cerap**.

Standard Pembelajaran

4.1.1 (Ting. 4)	Memahami dan mengapresiasi prosa moden dan prosa tradisional dengan menyatakan respon peribadi yang sesuai terhadap karya.
Sumber	Buku teks novel Pantai Kasih / Bimasakti Menari

ii. *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- i. Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
- j. Di Sebalik Dinara, karya Dayang Nor
- k. Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
- l. Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- m. Songket Bebenang Emas, karya Khairuddin Ayip
- n. Tirani, karya Beb Sabariah
- o. Silir Daksina, karya Nizar Parman
- p. Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Setiap penulis novel sentiasa memberikan mesej kepada pembaca. Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji,uraikan mesej yang diberikan oleh penulis tersebut kepada pembaca.

[6 markah]

Novel Bimasakti Menari

	Mesej Penulis	Peristiwa
1.	Mendidik pembaca agar menyayangi anak-anaknya.	Buktinya, Puan Wickham amat menyayangi anaknya, Muhammad Taufik walaupun dia sudah berpisah dengan suaminya, Tan Sri Muhamimin.
2.	Mendidik masyarakat agar tidak berdendam dengan orang lain.	Buktinya, Dato' Johann masih berdendam terhadap Tan Sri Muhamimin kerana Dato' Johann masih tidak dapat melupakan isu perebutan untuk mendapatkan calon isteri pada suatu masa dahulu. Dendamnya terus membara apabila mendapat tahu Muhammad Taufik yang membentangkan projek di hadapan Menteri Besar juga merupakan anak Tan Sri Muhamimin.

Novel yang saya kaji ialah novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop. Mesej yang hendak disampaikan oleh penulis kepada pembaca ialah **mendidik pembaca agar menyayangi anak-anaknya**. Hal ini dapat dibuktikan apabila **Puan Wickham amat menyayangi anaknya, Muhammad Taufik walaupun dia sudah berpisah dengan suaminya, Tan Sri Muhamimin**.

Selain itu mesej yang lain ialah mendidik masyarakat agar **tidak berdendam dengan orang lain**. Sebagai bukti, **Dato' Johann masih berdendam terhadap Tan Sri Muhamimin kerana Dato' Johann masih tidak dapat melupakan isu perebutan untuk mendapatkan calon isteri pada suatu masa dahulu. Dendamnya terus membara apabila mendapat tahu Muhammad Taufik yang membentangkan projek di hadapan Menteri Besar juga merupakan anak Tan Sri Muhamimin**.

Novel Pantai Kasih

	Mesej Penulis	Peristiwa
1.	Mendidik pembaca agar tabah menghadapi kesukaran hidup.	Buktinya, Doktor Raiha tabah menghadapi kematian anak perempuannya, Rohayu. Dia juga tabah menghadapi masalah rumah tangga serta menghadapi cemuhan daripada suaminya, Doktor Sadiz.
2.	Mendidik pembaca agar bersimpati terhadap orang lain yang berhadapan dengan masalah.	Buktinya, Doktor Raiha amat bersimpati dengan nasib Unong Siron yang terpaksa menjalani pembedahan penggantian sendi tulang pinggul untuk kali keenam.

Novel yang saya kaji ialah novel Pantai Kasih karya . Mesej yang hendak disampaikan oleh penulis kepada pembaca ialah **mendidik pembaca agar tabah menghadapi kesukaran hidup**. Hal ini dapat dibuktikan apabila **Doktor Raiha tabah menghadapi kematian anak perempuannya, Rohayu. Dia juga tabah menghadapi masalah rumah tangga serta menghadapi cemuhan daripada suaminya, Doktor Sadiz**.

Selain itu mesej yang lain ialah **mendidik pembaca agar bersimpati terhadap orang lain yang berhadapan dengan masalah**. Sebagai bukti, **Doktor Raiha amat bersimpati dengan nasib Unong Siron yang terpaksa menjalani pembedahan penggantian sendi tulang pinggul untuk kali keenam**.

BAHAGIAN C - RUMUSAN (30 markah)

Masa dicadangkan: 45 minit

Panduan Umum Rumusan

1. Panjang petikan tidak melebihi 300 patah perkataan.
2. Petikan berdasarkan bahan sumber yang mempunyai **tidak kurang** daripada **dua fokus**.
3. Bahan rumusan terdiri daripada sekurang-kurangnya **dua bahan daripada sumber yang berbeza** (contoh: **petikan** prosa, puisi, dan **grafik**) tetapi mempunyai **tema yang sama**.
4. Tugasan tidak dinyatakan dalam arahan soalan.
5. Calon perlu mengenal pasti **semua fokus** yang terdapat dalam semua bahan.
6. Markah keseluruhan isi ialah **20 markah**.

Pendahuluan	:	2 markah
Isi	:	16 markah
Kepimpulan	:	2 markah
7. Calon perlu mengemukakan **8 isi lengkap** (isi wajib diambil daripada setiap bahan dan menyentuh setiap fokus)

Isi daripada Bahan 1 - Petikan	:	6 isi (Fokus 1, Fokus 2 atau salah satu)
Isi daripada Bahan 2 - Grafik	:	2 isi (Fokus 1, Fokus 2 atau Fokus 3)
8. Markah Bahasa dinilai secara holistik iaitu **10 markah**.

Cemerlang	:	8 - 10 markah
Baik	:	5 - 7 markah
Sederhana	:	3 - 4 markah
Lemah	:	1 - 2 markah
9. Rumusan **tidak melebihi 120** patah perkataan.
10. Kesimpulan perlu berdasarkan tema bahan.
11. Jawapan hendaklah ditulis dalam bentuk esei.

PANDUAN MENJAWAB SOALAN RUMUSAN

1. Cara menulis pendahuluan:

- 1 ayat sahaja, 2 markah.
- Mulakan ayat pendahuluan dengan: Rumusan membincangkan ...

➤ Pendahuluan 2 fokus:

- Rumusan membincangkan **Fokus 1** dan **Fokus 2**. (2 markah)
- Rumusan membincangkan **Fokus 1**. (1 markah)

➤ Pendahuluan 3 fokus:

- Rumusan membincangkan **Fokus 1, Fokus 2** dan **Fokus 3** (2 markah)
- Rumusan membincangkan **Fokus 1** dan **Fokus 2**. (1 markah)
- Rumusan membincangkan **Fokus 2** dan **Fokus 3**. (1 markah)
- Rumusan membincangkan **Fokus 1**. (0 markah)
- Rumusan membincangkan **Fokus 2**. (0 markah)
- Rumusan membincangkan **Fokus 3**. (0 markah)

2. Cara menulis isi:

- Calon boleh menulis satu isi dalam satu ayat.
- Calon juga boleh menulis beberapa isi dalam satu ayat. (ayat majmuk).
- Calon boleh menulis satu perenggan atau beberapa perenggan.

3. Cara menulis kesimpulan:

- Satu ayat sahaja, 2 markah.
- Mengandungi 2 bahagian iaitu cadangan berkaitan dengan tema/isu dan harapan.
- Idea calon sendiri, tidak boleh diambil daripada petikan.

	Cadangan terhadap tema	Kata hubung	Harapan (kesan kepada pihak yang terlibat)
Kesimpulannya,	semua pihak harus memperkasakan sektor pelancongan negara ini	supaya	ekonomi negara dapat diperkuuh.

4. Kata kunci

Faktor/ punca/ sebab	Kekangan/ halangan/ rintangan/ masalah
kepentingan / kelebihan / manfaat / faedah	peranan/ tanggungjawab / tugas
langkah / usaha / cara / kaedah	kriteria / ciri-ciri

CONTOH SOALAN 1(Contoh berdasarkan buku Format Pentaksiran SPM KSSM)

*Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.*

Bahan 1 - Petikan

Setiap tahun Malaysia meraikan Hari kebangsaan. Diam tidak diam sudah lebih separuh abad negara kita terlepas daripada cengkaman penjajah. Menjadi rutin tahunan, menjelang sahaja bulan Ogos atau juga dikenali bulan kebangsaan, agensi atau kementerian yang berkenaan akan mula **menjalankan Kempen Kibarkan Jalur Gemilang** sebagai usaha untuk meningkatkan semangat patriotik. **Program-program yang bercorak kenegaraan** seperti pertandingan nyanyian lagu patriotik dan pementasan teater drama juga dianjurkan oleh badan bukan kerajaan (NGO), pihak sekolah dan agensi-agensi kerajaan supaya mesej cinta akan negara sampai kepada golongan sasaran. Namun, Program-program tersebut kurang berjaya dalam mencapai matlamatnya kerana kurangnya penghayatan para remaja dalam aktiviti bercorak kemerdekaan tersebut.

Perkara yang menjadi keimbangan banyak pihak ialah generasi muda tidak mengambil endah tentang hari kebangsaan. Mereka sewajarnya menghayati erti kemerdekaan dengan mendalam. Sebagai generasi muda yang bertanggungjawab **mereka berperanan untuk membina kejayaan negara** iaitu sanggup bekerja keras untuk negara. Mereka juga perlu **mementingkan kecemerlangan dalam pendidikan**. Hal ini demikian kerana pendidikan memainkan peranan penting dalam usaha membangunkan modal insan yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketerampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan negara maju.

Tanggungjawab lain yang perlu dilakukan oleh generasi muda ialah **mereka perlu membantu pihak kerajaan untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan negara**. Hal ini dikatakan demikian kerana keamanan dapat mengelakkan negara daripada serangan musuh sama ada berbentuk fizikal atau psikologi. Tambahan pula, tugas generasi muda adalah untuk **memastikan Malaysia akan terus berpegang pada konsep keadilan dan kesaksamaan**. Dengan cara ini, semua rakyat dapat menikmati kemakmuran dan kemajuan bersama-sama. Selain itu, generasi muda yang akan **mengisi perjuangan kemerdekaan** hendaklah **memastikan prinsip demokrasi akan terus diamalkan oleh setiap rakyat di negara ini**. Sesungguhnya kejayaan negara dalam fasa kedua 58 tahun kemerdekaan memerlukan komitmen semua pihak terutama generasi muda.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Di manakah Semangat Patriotisme Kita'
Dewan Siswa, Ogos 2015

Bahan 2 - Grafik



Jawapan Contoh 1

Pendahuluan

		Markah
➤ Rumusan membincangkan tanggungjawab / peranan / tugas generasi muda menghayati erti kemerdekaan dan usaha-usaha memupuk semangat patriotisme.		2
➤ Rumusan membincangkan tanggungjawab / peranan / tugas generasi muda menghayati erti kemerdekaan.		1
➤ Rumusan membincangkan usaha-usaha memupuk semangat patriotisme.		1

Isi Bahan 1 - Petikan

Fokus 1	(Tanggungjawab generasi muda menghayati erti kemerdekaan)	
1.	Mereka berperanan untuk membina kejayaan negara.	2
2.	Mementingkan kecemerlangan dalam pendidikan.	2
3.	Mereka perlu membantu pihak kerajaan untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan negara.	2
4.	Memastikan Malaysia akan terus berpegang pada konsep keadilan dan kesaksamaan.	2

	5.	Mengisi perjuangan kemerdekaan.	2
	6.	Memastikan prinsip demokrasi akan terus diamalkan oleh setiap rakyat di negara ini.	2
Fokus 2	(Usaha-usaha memupuk semangat patriotisme)		
	1.	Menjalankan Kempen Kibarkan Jalur Gemilang.	2
	2.	Mengadakan program-program yang bercorak kenegaraan.	2

Isi Bahar 2 - Grafik

Fokus 2	(Usaha-usaha memupuk semangat patriotisme)		
	1.	Pelancaran Bulan Kemerdekaan.	2
	2.	Sambutan Hari Kebangsaan.	2
	3.	Sambutan Hari Malaysia.	2
	4.	Penghayatan tema Hari Kebangsaan.	2

Kesimpulan

➤ Kesimpulannya, semua pihak harus berganding bahu meningkatkan semangat patriotisme supaya minda rakyat Malaysia tidak dijajah.	2
--	---

Contoh Jawaban Lengkap:

Rumusan membincangkan **tanggungjawab generasi muda menghayati erti kemerdekaan dan usaha-usaha memupuk semangat patriotisme.** ✓

Antara tanggungjawab generasi muda ialah mereka berperanan untuk **membina kejayaan negara** ✓ dan **mementingkan kecemerlangan dalam pendidikan.** ✓ Selain itu, generasi muda perlu **mengisi perjuangan kemerdekaan ✓** 2 dan **memastikan prinsip demokrasi akan terus diamalkan.** ✓

Manakala usaha-usaha untuk memupuk semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda ialah **kerajaan melancarkan Bulan Kemerdekaan** ✓ dan **mengadakan sambutan Hari Kebangsaan.** ✓ 2 Selain itu, kerajaan **mengadakan sambutan Hari Malaysia** ✓ dan **generasi muda perlu menghayati tema Hari Kebangsaan.** ✓

Kesimpulannya, generasi muda harus memiliki semangat patriotisme yang tinggi supaya mereka dihormati oleh orang luar. ✓

(95 patah perkataan)

Pendahuluan
1 ayat

Fokus 1
4 isi

Fokus 2
4 isi

Kesimpulan
1 ayat

P	2
I	16
K	2
Jumlah Isi	20
Bahasa	10
Jumlah	30

Keperluan Isi:

Jika dua fokus:

	Kombinasi isi yang ideal				
Pendahuluan	1	1	1	1	1
Fokus 1	2	3	4	5	6
Fokus 2	6	5	4	3	2
Kesimpulan	1	1	1	1	1
Jumlah	10	10	10	10	10

Jika tiga fokus:

	Kombinasi isi yang ideal					
Pendahuluan	1	1	1	1	1	1
Fokus 1	3	3	2	4	2	2
Fokus 2	3	2	3	2	4	2
Fokus 3	2	3	3	2	2	4
Kesimpulan	1	1	1	1	1	1
Jumlah	10	10	10	10	10	10

CONTOH SOALAN 2 (Contoh berdasarkan buku Format Pentaksiran SPM KSSM)

*Baca petikan dan sajak di bawah dengan teliti, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan sajak.*

Bahan 1 - Petikan

Permainan tradisional dikenali juga sebagai permainan rakyat yang dipusakai daripada generasi terdahulu. Bentuk permainan rakyat yang berseni ini merupakan salah satu daripada identiti negara yang patut dipelihara demi kepentingan generasi pada masa hadapan. Contoh permainan tradisional ialah guli, batu seremban, congkak, kaki gajah dan galah panjang. Antara permainan tersebut, congkak merupakan permainan tradisional yang paling popular. Walau bagaimanapun, perubahan teknologi telah mencipta pelbagai jenis permainan digital yang menjejaskan minat generasi baharu terhadap permainan tradisional, termasuklah permainan congkak.

Sekiranya diperhalus, permainan congkak yang menetapkan dua orang pemain dalam satu permainan membolehkan semangat setia kawan dizahirkan yang menjadi asas kepada kerukunan hidup bermasyarakat. Di samping itu, permainan congkak dalam kalangan masyarakat terdahulu berupaya mencerdaskan ketajaman akal. Hal ini berkaitan dengan perkataan congkak itu sendiri membawa maksud pengiraan. Kemahiran pengiraan ditekankan melalui mengira mata membuktikan bahawa generasi dahulu sudah didedahkan dengan ilmu matematik. Permainan congkak juga mampu dijadikan sebagai riadah yang menyeronokkan. Permainan ini boleh mengelakkan seseorang itu daripada melakukan aktiviti yang tidak berfaedah.

Selain itu, permainan congkak yang mempunyai tujuh lubang sebaris dan dua lubang ibu yang dipanggil “kampung” terletak di hujung papan. Lubang ibu tersebut mestilah diisi dengan buah sebanyak mungkin untuk mencapai kemenangan. Secara tidak langsung, permainan congkak menekankan nilai kejujuran apabila pemain mematuhi peraturan tanpa melakukan penipuan walaupun berkeinginan untuk menang pertandingan tersebut. Kegagalan generasi muda memahami falsafah ini dalam permainan congkak menyebabkan minat mereka semakin hilang. Tambahan pula, sesetengah ibu bapa pada hari ini menganggap bahawa setiap permainan tradisional termasuk congkak boleh menjejaskan masa belajar anak-anak mereka. Alangkah ruginya jika warisan dan budaya tinggalan nenek moyang tidak lagi dihargai sehingga hilang dalam arus peredaran masa.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Memugar Permainan Tradisional,'
oleh Nazri Hussein,
Dewan Budaya, Bil. 3/2019

Bahan 2 - Sajak

GADIS-GADIS YANG BERSIMPUH DI BERANDA

Semilir angin petang membawa simfoni damai
melodi syahdu dirasakan penuh harmoni
ayu busana dan senyuman lirih kesantunan
gadis-gadis yang bersimpuh di beranda
bermain congkak warisan bonda.

Jari-jemari mengatur buah-buah congkak
bagai lenggang gemalai
di medan persaingan yang menuntut ketekunan
andaianya menjangkau jauh ke hadapan
menang tidak pernah sombong diri
kalah tiada terlintas rasa iri.

Gadis-gadis yang bersimpuh di beranda
bermain congkak warisan bonda
melestari seni budaya dalam utuh
maruah moyang tercinta
tanpa gundah diri dicerca mundurnya minda.

M.Arif

Jalan Munsyi Abdullah, Melaka

CONTOH 2

Contoh jawapan lengkap:

Perenggan 1 Pendahuluan (1 ayat) Sama ada 2 fokus atau 3 fokus	Rumusan membincangkan faedah permainan congkak dan sebab congkak kurang menarik minat generasi muda bermainnya. ✓
Perenggan 2 3 isi F1 daripada Bahan 1: Petikan 2 isi F1 daripada Bahan 2: sajak	Antara faedah permainan congkak ialah congkak membolehkan semangat setia kawan dizahirkan✓ dan mencerdaskan ketajaman akal✓ serta mampu dijadikan sebagai riadah yang menyeronokkan. ✓ Selain itu, congkak juga dapat memupuk ketekunan dalam diri pemain ✓ dan menunjukkan kesopanan gadis Melayu ketika bermainnya. ✓
Perenggan 3 3 isi F2 daripada Bahan 1: Petikan	Manakala faktor congkak kurang mendapat tempat dalam kalangan generasi muda kerana kegagalan generasi muda memahami falsafah dalam permainan congkak ✓ dan ibu bapa menganggap bahawa setiap permainan congkak boleh menjelaskan masa belajar anak-anak mereka. ✓ Saingan daripada pelbagai jenis permainan digital menjelaskan minat generasi baharu terhadap congkak. ✓
Perenggan 4 Kesimpulan 1 ayat sahaja tetapi mengandungi 2 unsur iaitu cadangan dan harapan.	Kesimpulannya, permainan congkak perlu digalakkan dalam kalangan generasi muda agar keunikan seni budaya kita tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas. ✓

116 patah perkataan

Standard Kandungan	2.3	Membaca dan memproses maklumat daripada pelbagai bahan.
Standard Pembelajaran	2.3.2	Membaca dan membanding beza maklumat daripada pelbagai bahan teks dengan betul.
Tema 1	Buku Teks T4	Merealisasikan Impian (ms. 4-5)

LATIHAN: SET 1

*Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.*

Bahan 1 - Petikan

Aktiviti sukan, khususnya sukan air, merupakan suatu aktiviti yang sangat menyeronokkan. Saya percaya anda juga gemar berkelah dan bersantai di badan air seperti di tepi pantai, jeram dan taman tema air, bukan? Namun, selain menghirup udara segar dan berenang di tepi pantai, pernahkah anda mengambil bahagian dalam aktiviti sukan air, antaranya termasuklah luncur jet, luncur air, luncur angin, layar-layang, luncur udara, bersnorkel, mahupun selam skuba? Saya yakin bilangan yang pernah mencubanya boleh dikira dengan jari. Oleh itu, marilah sama-sama kita telusuri kepentingan sukan air kepada kita.

Kebanyakan sukan air memerlukan stamina, kecerdasan fizikal, dan kecerdasan mental selain kepentingan khusus tentang sukan tersebut. Kita ambil contoh aktiviti berkayak. Pengalaman menyusuri jeram yang deras mampu mempercepat pengeluaran adrenalina. Jantung juga akan berdegup kencang bagi menghantar oksigen ke seluruh bahagian tubuh. Proses ini menyebabkan pembakaran lemak dalam badan berlaku. Hal ini menyebabkan peminat sukan air ini bukan sahaja kekal sihat, malahan memiliki berat badan yang ideal. Bagi mereka yang suka berenang pula, kajian yang dilakukan oleh penyelidik di Universiti South Carolina, Amerika Syarikat mendapati bahawa jangka hayat perenang berkemungkinan lebih panjang berbanding dengan atlet lain seperti atlet olahraga. Bagi sukan air secara berkumpulan, berada di dasar laut dalam aktiviti selam skuba misalnya, sudah pasti akan memupuk sikap saling mempercayai, persefahaman, dan perpaduan yang erat.

Oleh sebab kebanyakan sukan air ini melibatkan kemahiran menggunakan peralatan, peserta mestilah mematuhi peraturan dan arahan yang diberikan. Pihak pengurusan juga perlu mengutamakan aspek keselamatan manakala ibu bapa mestilah memantau keselamatan anak-anak ketika melakukan aktiviti sukan air. Pendedahan yang berterusan kepada sukan air ini berupaya untuk meningkatkan kualiti hidup. Jelaslah, bahawa aktiviti sukan air banyak manfaatnya. Oleh itu, semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing untuk memajukan sukan air demi faedah bersama.

Dipetik dan diubah suai daripada
 ‘Kepentingan Sukan Air’
Buku Teks Tingkatan 4 halaman 4-5 (2019)

Bahan 2 - Grafik

Peranan kerajaan	
	
Peranan Keluarga	Peranan Media Massa
	 <p>The banner lists the following activities:</p> <ul style="list-style-type: none">• FUN WALK BSN• NETBALL CHALLENGE• FUTSAL CHALLENGE• AEROBIKTHON• ULTIMATE FRISBEE• BEYBLADE CHALLENGE• FREESTYLER• LOMPAT TALI BATTLE• KLINIK POKEY BIKE• E-SPORTS

Jawapan Latihan 1

Pendahuluan

Perkara	Markah
➤ Rumusan membincangkan kelebihan / kebaikan / faedah / manfaat sukan air, langkah-langkah keselamatan ketika melakukan sukan air dan usaha memajukannya. (calon perlu tulis ketiga-tiga unsur)	2
➤ Rumusan membincangkan (calon tulis mana-mana 2 unsur)	2
➤ Rumusan membincangkan (hanya menulis mana-mana 1 unsur sahaja)	0

Isi Bahan 1 - Petikan

Fokus 1	(Kelebihan / kebaikan / faedah / manfaat sukan air)		
	1.	Mempercepat pengeluaran adrenalina.	2
	2.	Jantung juga berdegup kencang bagi menghantar oksigen ke seluruh bahagian tubuh.	2
	3.	Jangka hayat perenang berkemungkinan lebih panjang berbanding dengan atlet lain.	2
	4.	Sukan air berkumpulan dapat memupuk sikap saling mempercayai, persefahaman dan perpaduan.	2
Fokus 2	(Langkah-langkah keselamatan)		
	1.	Peserta mestilah mematuhi peraturan dan arahan yang diberikan.	2
	2.	Pihak pengurusan juga perlu mengutamakan aspek keselamatan.	2
	3.	Ibu bapa mestilah memantau keselamatan anak-anak ketika melakukan aktiviti sukan air.	2

Isi Bahan 2 - Grafik

Fokus 2	(Langkah-langkah keselamatan)		
	1.	Pihak kerajaan hendaklah menyediakan kemudahan dan peralatan sukan air.	2
	2.	Keluarga menggalakkan anak-anak menyertai sukan air.	2
	3.	Promosi sukan air di media massa dan media elektronik.	2

Kesimpulan

➤ Kesimpulannya, semua pihak harus berganding bahu memajukan sukan air supaya sukan air di negara kita mampu bersaing dengan negara-negara dalam sukan ini.	2
---	---

LATIHAN: SET 2

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

Bahan 1 - Petikan

Masalah penguasaan bahasa Melayu tidak hanya berlaku dalam kalangan masyarakat bukan Melayu, tetapi masyarakat Melayu sendiri banyak melakukan kesalahan bahasa baik dalam pertuturan maupun penulisan. Pelajar-pelajar Melayu beranggapan bahawa mereka tidak perlu mempelajari bahasa Melayu kerana bahasa tersebut merupakan bahasa ibunda, bahkan telah menggunakan bahasa Melayu sejak kecil. Sebenarnya orang Melayu perlu sedar bahawa anggapan sedemikian adalah tidak benar kerana bahasa Melayu yang digunakan dalam pertuturan harian bukanlah sama dengan struktur bahasa Melayu yang berfungsi sebagai bahasa ilmu. Hasil kajian menunjukkan bahawa sikap pelajar yang menganggap bahasa Melayu mudah salah satu sebab mereka lemah dalam bahasa Melayu.

Namun begitu, terdapat segelintir pelajar asing yang minat mempelajari bahasa Melayu. Sejurnya, menurut mereka bahasa ini lebih mudah dipelajari berbanding dengan bahasa asing yang lain. Contohnya, terdapat beberapa persamaan antara bahasa Melayu dengan bahasa Uzbek, terutamanya bagi kata pinjaman daripada bahasa Arab dan bahasa Parsi. Selain itu, bahasa Melayu diminati oleh pelajar asing untuk mendalaminya kerana bahasa Melayu masih belum terkenal di rantau Asia Tengah jika dibandingkan dengan bahasa Asia yang lain. Antaranya termasuklah bahasa Cina, bahasa Korea dan bahasa Jepun. Mereka juga berpendapat bahawa bahasa Melayu ialah bahasa yang menarik. Sebagai contoh, dalam tatabahasa bahasa Melayu, penggunaan kata kerjanya tidak berubah mengikut masa. Kata kerja yang sama boleh digunakan tanpa mengira masa lalu, masa sekarang, atau masa hadapan. Para pelajar saya kadang-kadang terkejut kerana ada perkataan dalam bahasa Melayu yang sama dengan bahasa Uzbek. Antaranya seperti perkataan dunia, sabun dan alam.

Berkenaan dengan TSIOS pula, universiti yang ditubuhkan pada 1991 ini ialah sebuah institusi pengajian tinggi awam milik kerajaan Uzbekistan yang memberikan fokus kepada pengajaran dan pembelajaran bahasa Asia. Sambutan pelajar Uzbekistan terhadap bahasa Melayu di sini amat menggalakkan dan mereka komited untuk bertutur serta menulis dengan baiknya dalam bahasa Melayu.

Harapan saya, pelajar yang mempelajari bahasa Melayu di sini turut mendalmi budaya, sastera, dan sejarah Malaysia. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kerana ada universiti di Malaysia yang menghantar tenaga pengajar ke sini untuk membantu kami dalam pengajaran bahasa Melayu.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Bahasa Melayu Mekar di Bumi Uzbekistan'
Buku Teks Tingkatan 4 halaman 19 (2019)

Bahan 2 - Grafik



Jawapan Latihan 2

Pendahuluan

➤ Rumusan membincangkan faktor-faktor/ punca-punca/ sebab-sebab bahasa Melayu diminati oleh pelajar asing dan langkah-langkah/ cara-cara/ usaha-usaha memartabatkan bahasa Melayu.	2
➤ Rumusan membincangkan faktor-faktor/ punca-punca/ sebab-sebab bahasa Melayu diminati oleh pelajar asing.	1
➤ Rumusan membincangkan langkah-langkah/ cara-cara/ usaha-usaha memartabatkan bahasa Melayu.	1

Isi Bahan 1 - Petikan

Fokus 1	(Faktor-faktor / punca-punca / sebab-sebab bahasa Melayu diminati oleh pelajar asing)	
	1.	Bahasa Melayu lebih mudah dipelajari berbanding dengan bahasa asing yang lain.
	2.	Bahasa Melayu ialah bahasa yang menarik.
	3.	Terdapat perkataan dalam bahasa Melayu yang sama dengan bahasa Uzbek.

	4.	Sambutan pelajar Uzbekistan terhadap bahasa Melayu amat menggalakkan.	2
	5.	Mereka komited untuk bertutur serta menulis dengan baik dalam bahasa Melayu.	2
	6.	Ada universiti di Malaysia yang menghantar tenaga pengajar ke Uzbekistan untuk membantu dalam pengajaran bahasa Melayu.	2

Isi Bahar 2 - Grafik

Fokus 2	(Langkah-langkah/ cara-cara/ usaha-usaha memartabatkan bahasa Melayu)		
	1.	Memastikan urusan rasmi negara menggunakan bahasa Melayu.	2
	2.	Memansuhkan sekolah venakular.	2
	3.	Menerbitkan buku dalam bahasa Melayu.	2
	4.	Memperkasakan Dewan Bahasa dan Pustaka.	2
	5.	Melibatkan syarikat korporat dalam aktiviti kebahasaan.	2
	6.	Menguatkuasakan bahasa Melayu dalam penyiaran dan pengiklanan.	2

Kesimpulan

➤ Kesimpulannya, semua pihak perlu memartabatkan bahasa Melayu agar bahasa Melayu dapat berkembang di persada dunia.

2

Standard Kandungan	2.3	Membaca dan memproses maklumat daripada pelbagai bahan.
Standard Pembelajaran	2.3.2	Membaca dan membanding beza maklumat daripada pelbagai bahan teks dengan betul.
Tema 2	Buku Teks T4	Insan Terdidik, Negara Sejahtera (ms. 19)